

Laporan TAHUNAN 2013

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
Tingkat 2, Bangunan Dato' Mohamad Ibrahim Munsyi
Kota Iskandar,
79660 Nusajaya
Johor Darul Ta'zim
Tel: 07-266 7433 Fax: 07-266 1288
<http://www.forestry.gov.my/johor>



Jabatan Perhutanan Negeri
Johor Darul Ta'zim



LAPORAN TAHUNAN 2013



ISI KANDUNGAN

Perspektif Jabatan	7
Pengurusan Pentadbiran	11 - 37
Artikel	41 - 47
Profil Perhutanan Daerah	51 - 54
Peristiwa Tahun 2013	57 - 69
Jadual	73 - 84
Lampiran	85

The background features a light gray, stylized illustration of several trees with thin, branching limbs. On the right side, there is a solid blue vertical bar. At the top of this bar, a small, detailed tree with green foliage and a brown trunk is visible. The title 'PERSPEKTIF JABATAN' is centered in the middle of the page.

PERSPEKTIF JABATAN

wawasan

Untuk diiktiraf sebagai sebuah agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan.

misi

Mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangnya kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.

objektif

- ▶ mengurus sumber hutan secara berkekalan bagi pengeluaran berterusan hasil dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum;
- ▶ meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan melalui peningkatan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan;
- ▶ membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar;
- ▶ memelihara dan melindungi kepelbagaian hayat hutan, air, tanah serta penggunaannya secara berkekalan;
- ▶ meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambah aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi;
- ▶ meningkatkan kesedaran awam berhubung dengan peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat;
- ▶ meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada negara, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan; dan
- ▶ mengukuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sektor perhutanan.

piagam pelanggan

- ▶ semua permohonan untuk mengeluarkan hasil-hasil hutan atau menjalankan kilang berasaskan kayu akan diproses mengikut prosedur yang ditetapkan;
- ▶ lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat kelulusan dipatuhi;
- ▶ lesen untuk menjalankan kilang berasaskan kayu akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat kelulusan;
- ▶ keputusan mengenai permohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan kilang berasaskan kayu akan diberikan dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima;
- ▶ menghargai maklumat serta maklumbalas yang diterima daripada orang awam. Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam masa tidak melebihi tiga (3) hari; dan
- ▶ memberikan perkhidmatan yang sebaik mungkin serta layanan yang mesra setiap masa.

The background features a large, light gray silhouette of a tree with many branches. In the top right corner, there is a smaller, more detailed illustration of a tree with green foliage and a brown trunk, set against a solid blue background. The title text is centered over the gray tree silhouette.

PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Perutusan Pengarah Perhutanan Negeri Johor

Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1 Malaysia

A lhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana atas limpah kurnia dan dengankeizinan-Nya, maka Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan berdasarkan maklumat kemajuan dan pencapaian Jabatan sepanjang tahun 2013. Penerbitan buku laporan ini adalah sebagai rekod penting bagi aktiviti, peristiwa dan perangkaan berhubung perkembangan sektor perhutanan di negeri ini sepanjang tahun 2013 disamping merupakan suatu kehendak di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993).



Tahun 2013 adalah merupakan tahun ke tiga bagi Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10). Sebanyak sembilan (9) projek pembangunan yang telah di laksana dengan jayanya bagi memastikan sumber hutan negeri terus terpelihara dan manfaatnya dapat dinikmati dan diwarisi oleh generasi akan datang secara berterusan. Projek-projek tersebut adalah Pengurusan Sumber Hutan, Pembangunan Sumber Hutan, Hutan Lipur dan Eko-pelancongan, Infrastruktur dan Utiliti, Pemeliharaan Sumber Hutan, ICT dan K-Perhutanan, Publisiti, Latihan dan Pengembangan, Operasi dan Penguatkuasaan dan Kualiti Biji Benih dan Bahan-bahan Tanaman.

Sepanjang tahun 2013, jabatan ini telah berjaya membelanjakan peruntukan semasa yang mencapai 93% bagi perbelanjaan mengurus iaitu sebanyak RM 5,489,556.00 daripada RM 6,048,000.00 dan melebihi 94% bagi perbelanjaan pembangunan hutan iaitu sebanyak RM 461,817.41 daripada peruntukan RM 687,000.00. Jabatan juga telah berjaya membuat kutipan hasil hutan kepada Kerajaan Negeri melalui kutipan premium, royalti dan hasil-hasil lain sebanyak RM 17,966,073.00.

Kejayaan ini merupakan hasil daripada semangat "bekerja dalam satu pasukan", komitmen yang tinggi dan usaha gigih berterusan oleh seluruh warga kerja semua lapisan sama ada di peringkat Pejabat Perhutanan Negeri serta di Peringkat Hutan Daerah. Tahniah saya ucapkan. Adalah diharap agar seluruh warga kerja jabatan terus memperingkatkan usaha dalam mencapai visi dan misinya Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga kerja Jabatan Perhutanan Negeri Johor yang konsisten memberikan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2013. Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Penyediaan Laporan Tahunan 2013 kerana bertungkus lumus dalam menjayakan sasaran-sasaran yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

HAJI YAHAYA BIN MOHAMOOD
Pengarah Perhutanan Negeri
Johor

Fungsi Pengurusan

Pihak pengurusan adalah bertanggungjawab dalam pelaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi dan objektif jabatan serta menyelaras kerja-kerja pentadbiran, pengurusan, pembangunan, pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan di negeri. Pengurusan tertinggi adalah terdiri daripada Pengarah Perhutanan Negeri dan dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah Perhutanan.



Haji Yahaya bin Mohamood
Pengarah Perhutanan
Negeri Johor



Mohd Rahim bin Rani
Timbalan Pengarah Perhutanan
Negeri Johor

Pegawai Kanan JPNJ

Dari kiri Belakang: Zakaria bin Daud, Ahmad Hamka bin Mohd Yassin, Ali Gema Hidayatullah bin Zainal, Muhamad 'Aizat bin Norzaman, Norul Haszarul bin Abu Samah, Md Nurrahiem bin Mohd Ali, Mohd Fakrul Hafidz bin Sukri, Mohd Faiz bin Saion dan Mohd Fadzli bin Mazalan

Dari kiri Hadapan: Muhamad Rizal bin Abd Rahim, Mohd Faris bin Sobri, Ihsan Sabri bin Kamarazaman, Abd Ramliza Yahudin bin Mahli, Tuan Hj Yahaya bin Mohamood, Mohd Rahim bin Rani, Khirun Nizam bin Abdul Rahim, Rajihan bin Rahim, Shohaimi bin Sani dan Kholizan binti Jamaluddin.

Tiada dalam Gambar: Mohd Hafiz bin Hamzah, Thilagavathy a/p Raja, Zaiton binti Abdullah dan Nurazuwah binti Omar.



Ketua-ketua Unit



Khirun Nizam bin Abd. Rahim
Penolong Pengarah Perhutanan
(Silvikultur & Perlindungan)



Abd. Ramlizaayahhudin bin Mahli
Penolong Pengarah Perhutanan
(Perancangan & Pengurusan)



Mohd Hafiz bin Hamzah
Penolong Pengarah Perhutanan
(Operasi & Penguatkuasaan)



Thilagavathy a/p Raja
Penolong Pengarah Perhutanan
(Industri & Pengusahaan)



Kholizan binti Jamaludin
Penolong Pengarah Perhutanan
(Hutan Lipur)



Norul Haszarul bin Abu Samah
Penolong Pegawai Tadbir
(Pentadbiran & Perkhidmatan)



Mohd Fadzli bin Mazalan
Penolong Akauntan
(Kewangan & Hasil)



Mohd Zakaria b. Haji Daud
Juruteknik kanan
(Kejuruteraan Hutan)

Pegawai-pegawai Hutan Daerah



Johor Timur, Mersing
Ihsan Sabri bin Kamarazaman



Johor Selatan, Johor Bahru
Rajihan bin Rahim



Johor Utara, Segamat
Shohaimi bin Md. Sani



Johor Tengah, Kluang
Mohd. Farish bin Sobri

Penganugerahan



Berdiri dari kiri: Ahmad Afzanizam bin Othman, Amran@Saidin bin Said, Rohaizad bin Kamaudin, Azirin bin Suhut, Jenimen bin Yon, Nasir bin A.Hamid, Ahmad bin Karmoh, Budiman bin Jurani, Muhamad Azhari bin Mustaffa, Abd Halim bin Ahmad, Abd Rashid bin Tahar, Salleh bin Awang, Maizan bin Mohd Aris, Zamri bin Bahran, Zainal bin Man, Nor Azhar bin Ibrahim, Norazmi bin Udin.


Duduk dari kiri: Norfazilawati binti Jauhari, Kamisah binti Mohd Ali, Kholizan binti Jamaludin, **Tuan Hj Yahaya bin Mohamood**, Khirun Nizam bin Abd. Rahim, Intan Marhyaniwati binti Hj. Sufian, Noorita binti Hj. Md Som.

Anugerah Perkhidmatan cemerlang bagi Tahun 2012

Seramai 32 orang pegawai dan kakitangan JPNJ telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2012.

Bil.	Nama Pegawai/Kakitangan	Jawatan	Gred
1.	En. Mohd Rahim bin Rani	Timb Pengarah Perhutanan Negeri	G52
2.	Pn. Kholizan binti Jamaludin	Penolong Pengarah Perhutanan	G41
3.	En. Ahmad bin Karmoh	Pembantu Tadbir	N22
4.	Pn. Kamisah binti Mohd Ali	Pembantu Tadbir	W17
5.	Pn. Intan Marhyaniwati binti Hj. Sufian	Pembantu Tadbir	N17
6.	Pn. Norita binti Hj. Md. Som	Pelukis Pelan	J22
7.	En. Salleh bin Awang	Renjer Hutan	G17
8.	En. Nasir bin A. Hamid	Pengawas Hutan Kanan	G14
9.	En. Maizan bin Mohd Aris	Pengawas Hutan Kanan	G14
10.	En. Abd Rashid bin Tahar	Pengawas Hutan Kanan	G14
11.	En. Rohaizad bin Kamaludin	Pengawas Hutan Kanan	G14
12.	En. Mohd Hafiz bin A. Rahman	Pengawas Hutan	G11
13.	En. Selamat bin Deran	Pengawas Hutan	G11
14.	En. Yaakub bin Md. Yusof	Pengawas Hutan	G11
15.	En. Budiman bin Jurani	Pengawas Hutan	G11
16.	En. Ahmad Afzanizam bin Othman	Pengawas Hutan	G11
17.	En. Norazmi bin Udin	Pengawas Hutan	G11
18.	En. Jenimen bin Yon	Pengawas Hutan	G11
19.	En. Zainal bin Man	Pengawas Hutan	G11
20.	Cik Norfazilawati binti Jauhari	Pengawas Hutan	G11
21.	En. Nor Azhar bin Ibrahim	Pengawas Hutan	G11
22.	En. Zakaria bin Abdullah	Pekerja Awam Khas	R3
23.	En. Ya'cob bin Mohd Toha	Pekerja Awam Khas	R3
24.	En. Azirin bin Suhut	Pekerja Awam Khas	R3
25.	En. Zakir Nordin Mansoor	Pekerja Awam Khas	R3
26.	Cik Norziana binti Mat Ropi	Pekerja Awam Khas	R3
27.	En. Abd Halim bin Ahmad	Pekerja Awam Khas	R3
28.	Pn. Noor Shakila binti Omar	Pekerja Awam Khas	R3
29.	En. Amran @ Saidin bin Said	Pekerja Awam Khas	R3
30.	En. Muhamad Azhar bin Mustaffa	Pekerja Awam Khas	R3
31.	En. Zamri bin Bahran	Pekerja Awam Khas	R3
32.	En. Manhad bin Ali	Pembantu Am Pejabat	N4

Carta Organisasi Perhutanan Negeri Johor



LAPORAN TAHUNAN 2013
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Penerima Anugerah Pingat Kebesaran 2013

Bil	Nama Penerima	Nama Anugerah	Tarikh	Penganugerahan
1.	Yahaya bin Mohamood	Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia Pangkat Ketiga Setia Mahkota Johor (SMJ)	22.11.2013	Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di Pertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim

Senarai Staf Yang Bertukar/Bersara

Bertukar

Bil	Nama	Jawatan	Penempatan Baru	Tarikh Berkuatkuasa
1.	Puan Zek Amelia binti Zarak Khan	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan	02.09.2013
2.	Cik Intan Sharafina binti Abd Karim	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan	17.09.2013
3.	Encik Muhamad Rahman bin Mustafa	Penolong Pemelihara Hutan Gred 27	Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia	15.11.2013

Bersara

Bil	Nama	Jawatan Terdahulu	Tempat Bertugas	Tarikh Berkuatkuasa
1.	Selamat bin Deran	Pengawas Hutan	Pejabat Hutan Daerah Johor Utara, Segamat	03.10.2013
2.	Moktar bin Abdullah	Pengawas Hutan	Pejabat Hutan Daerah Johor Timur, Mersing	20.02.2013

Organisasi JPNJ

ORGANISASI

Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) merupakan salah sebuah daripada 12 buah Jabatan Perhutanan Negeri di bawah pengawasan dan seliaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Manakala itu, JPSM pula merupakan sebuah organisasi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Jabatan ini diketuai oleh Pengarah Perhutanan Negeri dan dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah Perhutanan. Pada akhir tahun 2013, bilangan warga kerja adalah seramai 380 orang.

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

JPNJ dipertanggungjawabkan sebagai agensi pelaksana ke atas pengurusan, perancangan, perlindungan dan pembangunan sumber hutan negeri agar selaras dengan Dasar Perhutanan Negara 1978 (pindaan 1992) dan Akta Perhutanan Negara 1984. Jabatan ini juga menyelaras perancangan dan pembangunan industri berasas kayu. Organisasi Jabatan Perhutanan Negeri Johor terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu Bahagian Operasi Hutan dan Bahagian Pembangunan Hutan di samping dua (2) unit sokongan iaitu Unit Pentadbiran dan Perkhidmatan serta Unit Kewangan dan Hasil. Di samping itu, dalam memastikan pentadbiran yang lebih cekap dan berkesan, organisasi Jabatan Perhutanan Negeri Johor dibahagikan pula kepada empat (4) Daerah Hutan yang masing-masing diketuai oleh Pegawai Hutan Daerah (PHD).

BAHAGIAN OPERASI HUTAN

Bertanggungjawab dalam pengendalian aspek-aspek pelesenan pengusahaan hutan dan industri berasas kayu, kawalan pengusahaan hutan dan industri berasas kayu, penguatkuasaan undang-undang perhutanan termasuk menjalankan penyiasatan dan pendakwaan kes-kes kesalahan hutan.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN

Bertanggungjawab dalam pengendalian aspek-aspek perancangan, pelaksanaan projek-projek pengurusan dan pembangunan sumber hutan termasuk aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pemuliharaan dan pemeliharaan kepelbagaian biologi hutan serta latihan dan pengembangan perhutanan.

Unit Pentadbiran & Perkhidmatan

Bertanggungjawab dalam aspek-aspek pengurusan hal pentadbiran, pengurusan sumber manusia dan perkhidmatan sokongan pengurusan JPNJ:

- ▶ Mengurus hal ehwal pentadbiran, rekod perkhidmatan kakitangan termasuk sistem HRMIS.
- ▶ Melaksana naziran perkhidmatan, pengistiharan harta, urusan persaraan, pencen staf JPNJ.
- ▶ Melaksanakan urusan kenaikan pangkat, tindakan tata tertib dan penilaian prestasi staf JPNJ.
- ▶ Menjadi setiausaha kepada Mesyuarat JKPP, MBB, Mingguan dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan pentadbiran.



Keanggotaan:

1. En. Norul Haszarul bin. Abu Samah (Gred N27)
2. Pn. Norbaizura binti Mazlan Bijon (Gred N27) – Setiausaha Pejabat
3. Pn. Hj. Masanah binti. Madis (Gred N22)
4. Pn. Nur Azrina binti. Amir (Gred N22)
5. En. Ahamad bin Ashari (Gred N22)
6. En. Md Nizam bin Ahmad (Gred N17)
7. Pn. Azlina binti Samion (Gred N17)
8. Pn. Nurhayati binti Rasiman (Gred N17)
9. En. Khir b. Sarkawi (Gred N17)
10. Pn. Nazatul Nisa bt. Kamal Din (Gred N17)
11. Pn. Zalmiza binti Ibrahim (Gred N17)
12. En. Ahmad Nazri b. Wahad (Gred N4)
13. En. Aziz b. Ab. Rahman (Gred N4) (KUP)
14. En. Helmi Fadzil b. Mohd. Jaron (Gred N1)
15. En. Norhasidi b. Baseri (Gred N1)
16. En. Ismail b. Hassan (Gred R6) (KUP)
17. En. Zamri b. Bahran (Gred R3)
18. En. Mohd Faisal bin A. Jalil (Gred R3)
19. Pn. Norsila Binti Kasah (Gred N1)

Unit Kewangan & Hasil

Unit ini bertanggungjawab dalam aspek-aspek pengurusan kewangan, kutipan hasil yang meliputi premium, royalti, ses pembangunan hutan dan caj-caj lain serta laporan shuttle:

- ▶ Mengurus perolehan dan pembayaran, mengendalikan rekod-rekod perakaunan wang amanah dan deposit serta urusan pungutan hasil.
- ▶ Mengurus aset alih dan tidak alih termasuk perolehan dan menyediakan daftar inventori aset.
- ▶ Menyedia dan menyelaras anggaran perbelanjaan tahunan JPNJ.
- ▶ Menyediakan laporan perubahan serta laporan kewangan berkala JPNJ.



Keanggotaan:

1. En. Mohd Fadzli bin Mazalan (Gred W27)
2. En. Wan Sulaiman b. Ismail (Gred W22)
3. Pn. Lily Mazida bt. Mohd. Taib (Gred W17)
4. Cik Norzatulsahira binti Sainon (Gred W17)
5. Pn. Norhaliza bt. Othman (Gred W17)
6. Pn. Siti Sahara bt. Husain (Gred W17)
7. Cik Normala binti Atrujin (Gred W17)
8. Pn. Kamisah bt. Mohamad Ali (Gred W17)

Unit Silvikultur & Perlindungan

Unit ini bertanggungjawab dalam melaksana dan menyelaras aktiviti-aktiviti silvikultur hutan seperti bancian hutan selepas tebangan, rawatan pemulihan hutan termasuk tanaman mengaya, memotong akar dan pepanjat dan tanaman di kawasan lapang, mengurus tapak semaian, petak fenologi, tanaman herba, tanaman bakau serta lain-lain tanaman bukan kayu, penubuhan ladang hutan, pencegahan kebakaran hutan serangan penyakit atau serangga perosak, program pemeliharaan kepelbagaian biologi dan mengendali petak-petak Simpanan Hutan Dara (VJR):

- ▶ Menyediakan laporan fizikal dan kewangan bagi aktiviti pembangunan hutan dan kumpulan wang pemuliharaan hutan (KWPH).
- ▶ Memantau projek dan aktiviti pembangunan hutan.



Keanggotaan:

1. En. Khirun Nizam bin Abd. Rahim (Gred G44)
2. En. Ahmad Hamka bin Mohd Yasin (Gred G27)
3. En. Aizzudin bin Hashim (Gred G27)
4. En. Baharuddin bin Bahran (Gred G26)
5. En. Abdul Shukor bin Ahmad (Gred G22)
6. En. Haminuddin bin Muhamad (Gred G11)
7. En. Abd. Razak bin Salim (Gred G11)
8. En. Mohd Hazri bin Mohd Noh (Gred G11)
9. En. Hadaha bin Md Din (Gred G11)
10. En. Manan bin Kosnan @ Ahmad (Gred G11)
11. En. Abd. Rahman bin Wahab (Gred G11)
12. En. Ramzie bin Abd Hamid (Gred R3)
13. En. Mohd Nazri bin Mohd Sharif (Gred R3)
14. En. Norhafizan bin Hussein (Gred R3)
15. En. Mohd Shahdan bin Shamsudin (Gred R3)
16. En. Khairul Anuar bin Abdullah (Gred R3)
17. En. Mohd. Saiful bin Zainal (Gred R3)
18. En. Hafizullah bin Muhammad (Gred R3)
19. En. Muhamad Azhari bin Mustaffa (Gred R3)

Unit Operasi & Penguatkuasa

Unit ini bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan pemantauan aktiviti-aktiviti operasi dan penguatkuasaan hutan:

- ▶ Melaksanakan penguatkuasaan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara dan Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1985 termasuk pendakwaan kes-kes kesalahan hutan.
- ▶ Menjalankan risikan dalam kes-kes perhutanan.
- ▶ Memproses permohonan pengeluaran kayu balak dan lain-lain hasil hutan dari Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Milik serta permohonan Permit Penggunaan bagi menjalankan aktiviti dalam Hutan Simpanan Kekal.
- ▶ Menjalankan semakan dan siasatan ke atas laporan dan aduan awam.
- ▶ Mengumpul dan mengemaskinikan maklumat mengenai kesalahan hutan dan tindakan-tindakan yang telah diambil serta menilai keberkesanan sistem penguatkuasaan dan penentuan taksiran ganti rugi dan kompaun ke atas kesalahan hutan.
- ▶ Menyediakan laporan penguatkuasaan kepada Kerajaan Negeri, KPPSM dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).
- ▶ Memperkukuhkan pelaksanaan undang-undang perhutanan bersama dengan agensi lain.



Keanggotaan:

1. En. Mohd. Hafiz bin Hamzah (Gred G41)
2. En. Mohd Faiz bin Saion (Gred G27)
3. En. Nor Hasan bin Yunus (Gred G22)
4. En. Sharul Nazmee bin Athnan (Gred G11)
5. En. Ahmad Illiasa bin Mohd Salleh (Gred G11)
6. En. Budiman bin Jurani (Gred G11)
7. En. Mohd Hadzri bin Hasin (Gred G11)
8. En. Monshi Abdullah b. Ismail (Gred R3)

Unit Penguatkuasa Siasatan

Unit ini merupakan unit yang bertanggungjawab menjalankan penyiasatan terhadap kes-kes kesalahan hutan mengikut APN 1984, Enakmen Industri Berasaskan Kayu dan lain-lain perundangan yang berkaitan:

- ▶ Bertanggungjawab dalam penyediaan dan pengemaskinian kertas siasatan sebelum dibawa untuk pendakwaan di mahkamah.
- ▶ Berperanan sebagai *flying squad*.
- ▶ Jawatan Penolong Pengarah Penguatkuasaan, Penolong Pegawai Kanan Penguatkuasaan dan Penolong Pegawai Penguatkuasaan adalah jawatan daripada Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang ditempatkan di Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Keanggotaan:

1. En. Hairoinizam b. Abd. Rahman (Gred G14)
2. Pn. Nur Fazlin bt. Ahmad (Gred G11)

Unit Perancangan & Pengurusan

Unit ini bertanggungjawab dalam menggubal objektif dan strategi serta merancang program pembangunan hutan jangka panjang dan jangka pendek:

- ▶ Mengumpul, memproses dan mengemaskini maklumat perhutanan, pewartaan dan pemansuhan Hutan Simpanan Kekal (HSK).
- ▶ Menyedia dan menyelaras pelaksanaan Rancangan Pengurusan Hutan dan Rancangan Tahunan Hutan;
- ▶ Membuat penilaian dan analisa Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F).
- ▶ Menjalankan penilaian kerja-kerja penandaan pokok (pokok tebangan, pokok ibu dan pokok perlindungan).
- ▶ Melaksanakan projek penyelenggaraan sempadan luar Hutan Simpanan Kekal.
- ▶ Menyelaraskan pelaksanaan program pensijilan pengurusan hutan MC&I (Hutan Asli).
- ▶ Menjadi urusetia Laporan Tahunan JPNJ.
- ▶ Memantau penubuhan petak-petak kajian dan inventori seperti *National Forest Inventory* (NFI), *Continuous Forest Inventory* (CFI) dan *Growth Plot* (petak tumbesaran).
- ▶ Mengenalpasti dan melaksanakan program kepelbagaian biologi hutan dan kawasan konservasi hutan bernilai tinggi (HCVF).
- ▶ Menyelaraskan dan memantau penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.



Keanggotaan:

1. En. Abd Ramlizaayahhudin bin Mahli (Gred G44)
2. En. Ali Gema Hidayatullah bin Zainal (Gred G27)
3. En. Khaharudin b. Mohd Nor (Gred G14)
4. En. Maizan bin Mohd Aris (Gred G14)
5. Pn. Norfazilawati binti Jauhari (Gred G11)
6. Pn. Siti Nurarbain binti S. Hamid (Gred G11)
7. En. Mohd. Azmi bin Kamsan (R3)

Unit Industri & Pengusahaan

Unit ini bertanggungjawab dalam menguruskan pengeluaran lesen yang berkaitan dengan industri berasaskan kayu dan pengusahaan hutan serta permit untuk menjalankan aktiviti di dalam Hutan Simpan Kekal:

- ▶ Memproses permohonan lesen berkaitan dengan industri berasas kayu.
- ▶ Memproses permohonan mengubahsuai mesin dan/atau bangunan.
- ▶ Menyediakan khidmat nasihat teknikal kepada industri dalam rekabentuk kilang, pemilihan jentera dan teknik memproses serta pengurusan perindustrian dan memantau perkembangan dan kemajuan penggunaan kayu serta pembangunan industri berasaskan kayu (IBK) di Negeri Johor.
- ▶ Mengemaskini daftar lesen dan memantau bilangan lesen yang dikeluarkan.
- ▶ Menyediakan laporan, mengumpul serta menyelenggara maklumat mengenai industri berasas kayu dan pengeluaran hasil hutan.

Keanggotaan:

1. Pn. Thilagavathy a/p Raja (Gred G41)
2. Pn. Norizah binti Hj. Makmon (Gred J17)
3. En. Azizan bin Suhot (Gred G11)
4. En. Nazarhan bin Ali (Gred G11)
5. En. Suhimi bin Ismail (Gred G11)

Unit Hutan Lipur

Unit ini bertanggungjawab dalam merancang dan menyediakan pelan induk hutan lipur serta melaksanakan program-program pembangunan hutan lipur:

- ▶ Merancang dan melaksanakan program-program pengembangan dan seranta dalam bidang perhutanan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan dan keperluan memelihara sumber hutan dan alam sekitar.
- ▶ Menyedia dan melaksanakan program-program latihan kepada kakitangan jabatan dan pihak swasta yang berkaitan.
- ▶ Mengendali peperiksaan-peperiksaan khas skim perkhidmatan dan peperiksaan perkhidmatan JPNJ.
- ▶ Mengkordinasi kursus motivasi dan peningkatan kualiti staf JPNJ.
- ▶ Mengadakan jaringan kerjasama dalam bidang latihan dengan lain-lain unit di JPNJ dan JPSM, IPT dan lain-lain institusi.
- ▶ Menyediakan risalah jabatan.



Keanggotaan:

1. Pn. Kholizan binti jamaludin (Gred G41)
2. Pn. Nurazuwah binti Omar (Gred G27)
3. Pn. Norijah binti Md Noor (Gred G14)
4. Pn. Azimahwati bt. Mohd. Alwee (Gred G11)

Unit Kejuruteraan Hutan

Unit ini bertanggungjawab dalam aspek kejuruteraan hutan dan infrastruktur:

- ▶ Merancang dan menentukan kelarian jalan hutan di dalam Hutan Simpanan Kekal.
- ▶ Menyemak dan memberi ulasan ke atas cadangan kelarian Jalan Tuju dan Lorong Penarik dalam kawasan lesen yang dikemukakan oleh pihak pembalak dengan berpandukan kepada Spesifikasi Jalan Hutan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2010.
- ▶ Menyediakan anggaran peruntukan dan melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur.
- ▶ Mengurus pembinaan dan dan penyelenggaraan bangunan/rumah jabatan dan memberi khidmat nasihat mengenai hal-hal kejuruteraan yang berkaitan.



Keanggotaan:

1. En. Mohd Zakaria b. Hj. Daud (Gred J17)
2. En. Mohd Najib b. Hamzah (Gred J17)
3. En. Mohammad Adha bin Mohamed Esa (Gred J17)
4. En. Ismail b. Kadir (Gred R3)

Pejabat Hutan Daerah

Antara fungsi Pejabat Hutan Daerah;

- ▶ Menyediakan Rancangan Kerja dan Rancangan Tahunan Hutan Daerah.
- ▶ Menyediakan bajet tahunan daerah hutan.
- ▶ Memproses permohonan mengambil hasil hutan.
- ▶ Memproses permohonan permit penggunaan, permit jalan dan permit memasuki Hutan Simpanan Kekal serta permohonan lesen Industri Berasas Kayu dan aktiviti kutipan laporan penyata (*shuttle*) pengusahaan hutan dan Industri Berasas Kayu.
- ▶ Merancang pembinaan jalan hutan dalam HSK.
- ▶ Memantau dan mengawal aktiviti kutipan hasil hutan.
- ▶ Menyelenggara maklumat dan data perhutanan daerah hutan.
- ▶ Menyediakan laporan pemantauan dan laporan bulanan bagi pembaharuan lesen dan permit.
- ▶ Menjalankan rondaan dan pemeriksaan ke atas kawasan-kawasan berhutan di daerah hutan.
- ▶ Menjalankan aktiviti berkaitan hutan lipur.
- ▶ Menguatkuasakan undang-undang hutan di daerah hutan melalui akta, enakmen serta kaedah-kaedah yang berkuatkuasa.
- ▶ Mengukur dan mengira royalti serta ses pembangunan hutan ke atas pengeluaran hasil hutan serta mengendalikan Tukul Hasil.
- ▶ Menyelenggara rekod pengeluaran hasil hutan bagi setiap lesen.

Ahli Majlis Bersama Jabatan

Majlis Bersama Jabatan bertujuan untuk memperolehi kerjasama yang menyeluruh di antara pihak pengurusan dan pihak pekerja terutamanya dalam perkara-perkara yang berkaitan keberkesanan dan kelicinan kerja serta kebajikan pekerja. Pihak pekerja Jabatan diberi peluang untuk mengemukakan pendapat dan mengambil bahagian yang aktif dalam membincang dan menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan peraturan kerja, urusan pentadbiran dan kebajikan pekerja.

Pihak Pengurusan

1. Tn. Hj. Yahaya b. Mohamood
Pengarah Perhutanan Negeri Johor
(Pengerusi)
2. En. Mohd Rahim bin Rani,
Timbalan Pengarah Perhutanan
3. En. Mohd. Hafiz bin Hamzah,
Penolong Pengarah
(Operasi dan Penguatkuasaan)
4. En. Rajihan bin Rahim,
Pegawai Hutan Daerah Johor
Selatan
5. En. Mohd. Faris bin Sobri,
Pegawai Hutan Daerah Johor
Tengah
6. En. Ihsan Sabri bin Kamarazaman
Pegawai Hutan Daerah Johor Timur
7. En. Shohaimi bin Md. Sani,
Pegawai Hutan Daerah Johor Utara
8. En. Mohd Zakaria bin Haji Daud
Juruteknik Gred J17
9. En. Fadzli bin Mazalan
Penolong Akauntan
10. En. Norul Haszarul b. Abu Samah,
Penolong Pegawai Tadbir
(Setiausaha Bersama)
11. En. Ahmad Hamka bin Mohd Yasin
Penolong Pegawai Ladang

Pihak Pekerja

1. En. Baharuddin b. Bahrn
(Pengerusi)
2. En. Ali Gema Hidayatullah bin Zainal
(Wakil Pegawai Kanan)
3. Pn. Siti Aishah binti Abdul Wahab
(Wakil Pegawai Kanan)
4. En. Salleh bin Awang
(Wakil KPHMSM Cawangan Johor)
5. En. Wan Suleiman b. Ismail
(Wakil AUEGCAS/Wakil Ketua
Pembantu Tadbir/Pembantu Tadbir)
6. Pn. Hj. Ramlah binti Hj. Anwar
(Wakil AUEGCAS/Wakil Ketua
Pembantu Tadbir/Pembantu Tadbir)
7. En. Hazlan b. Alias
(Wakil KPHMSM Cawangan Johor)
8. En. Nor Hassan b. Yunus
(Wakil KPHMSM Cawangan Johor)
9. En. Mohamad Nazib bin Ali
(Wakil KPHMSM Cawangan Johor)
10. En. Mohd. Najib bin Hamzah
(Wakil Pekerja Bahagian Teknikal)
11. En. Mohd. Amin bin Ahmad
(Wakil KPHMSM Cawangan Johor)
12. En. Mohd Ramzi bin Abd Hamid
(Wakil Tetap Pemandu)

Petunjuk Prestasi Utama 2013

A. SUMBER TENAGA MANUSIA (Orang)	
i. Kumpulan Pengurusan Tertinggi	11
ii. Kumpulan Pengurusan dan Profesional	369
iii. Kumpulan Sokongan	
Jumlah	380
B. PERBELANJAAN (RM)	
i. Perbelanjaan Mengurus	13,174,018.24
ii. Perbelanjaan Pembangunan Negeri (P57)	5,489,556.00
iii. Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH)	461,817.41
Jumlah	19,125,771.65
C. KUTIPAN HASIL (RM)	
i. Royalti	5,745,722.94
ii. Ses	1,083,758.09
iii. Premium	10,432,601.08
iv. Lain-lain	703,991.23
Jumlah	17,966,073.34
D. AKTIVITI PENGURUSAN SUMBER HUTAN	
i. Keluasan HSK (ha)	351,301.53
ii. Pewartaan HSK (ha)	-
iii. Pengurusan Sumber Hutan	
○ Menyukat dan Mencuci Sempadan (HSK (km)	
- Sempadan Baru	10
- Sempadan Lama	216.3
○ Inventori Hutan	1469.64
Sebelum Tebangan (ha)	
○ Menanda Pokok (ha)	1438.75
○ Keluasan HSK	667.64
Diusahasil dibawah CTT (ha)	
E. PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA	
i. Kursus dan Latihan (bilangan)	20
ii. Kursus Sijil Perhutanan (bilangan peserta)	
○ Pengawas Hutan	6 orang
○ Renjer Hutan	-
iii. Kursus Pembalakan dan Pengusahasilan Kepada Pihak Swasta (bilangan kursus)	
F. publisiti dan pengembangan hutan (bilangan)	
i. Penerbitan	1
ii. Pameran	4
iii. Kempen Kesedaran	
○ Kuiz	2
○ Let's Clean Go Green	4
G. PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN	
i. Silvikultur dan Pemuliharaan Hutan	
○ Inventori Hutan Selepas Tebangan (ha)	1,215.00
○ Rawatan CL (ha)	-
○ Tanaman Mengaya, Tanaman Kawasan Terosot dan Tanaman Kawasan Lapang (ha)	
○ Penyelenggaraan Tapak Semaian (Bilangan Tapak)	6
○ Rawatan Tanaman Kawasan Lapang (ha)	119.7
○ Rawatan Buluh (ha)	5.0
ii. Perhutanan Masyarakat	
○ Hutan Lipur (bilangan)	8
○ Hutan Bandar (bilangan pokok)	-
○ Tanaman Ubatan (ha)	0.5
H. PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR	
○ Tanaman Kawasan Pantai (bil. pokok)	3,750
○ Tanaman Bakau (bil. pokok)	0

Peruntukan Perlembagaan, Dasar dan Undang-undang

PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN

Di bawah Perkara 74(2) Perlembagaan Malaysia, isu tanah termasuk hutan berada di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Dengan itu, Kerajaan Negeri mempunyai kuasa mutlak di dalam membentuk atau menerima sesuatu undang-undang dan peraturan hutan bagi mentadbir, mengurus dan membangunkan sumber hutan. Pihak Berkuasa persekutuan hanya memberi nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri, penyelenggaraan stesen-stesen percubaan dan demonstrasi, latihan dan penyelidikan.

Bagi memudahkan penyelarasan dan penyeragaman dalam bidang perhutanan, Majlis Perhutanan Negara (MPN) telah ditubuhkan pada 20 Disember 1971 oleh Majlis Tanah Negara (MTN). MTN diberi kuasa di bawah perlembagaan Malaysia untuk menggubal dasar kebangsaan bagi memaju dan mengawal penggunaan tanah untuk perlombongan, pertanian dan perhutanan. MPN merupakan forum bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi membincang masalah dan isu berhubung dengan dasar perhutanan, pentadbiran dan pengurusan. Semua keputusan MPN perlulah disahkan oleh MTN. Tanggungjawab untuk melaksanakan keputusan MPN adalah menjadi tugas Kerajaan Negeri kecuali jika ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

DASAR DAN PERUNDANGAN

Dalam tahun 1977, Dasar Perhutanan Negara telah diluluskan oleh MPN dan kemudian disahkan oleh MTN pada 19 April, 1978. Dasar tersebut telah dikaji semula pada 10 November, 1992 atas kesedaran yang ditunjukkan oleh masyarakat dunia pada masa sekarang terhadap kepentingan pemeliharaan kepelbagaian biologi dan penggunaan sumber genetik secara berkekalan serta peranan masyarakat dalam pembangunan perhutanan. Penerimaan dasar tersebut merupakan satu kejayaan memperkukuhkan asas perlembagaan dan mengeratkan kerjasama dan persefahaman di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pembangunan sektor perhutanan.

Selain daripada Akta Perhutanan Negara, 1984 (Pindaan 1993) dan Enakmen Industri Berasas Kayu, 1986, terdapat juga undang-undang lain yang penting dan ada kaitan dengan sektor perhutanan seperti berikut:

- Kanun Tanah Negara, 1965;
- Kanun Keseksaan, (FMS Cap. 45), 1984 (Pindaan 1993);
- Kanun Acara Jenayah, (FMS Cap. 6), 1903 (Pindaan 1995);
- Akta Keterangan, 1950 (Pindaan 1993)'
- Akta Prosedur Kewangan, 1967 (Pindaan 1993);
- Enakmen Bekalan Air, 1935;
- Akta Perlindungan Tanah, 1960;
- Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
- Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, 1973;
- Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Pindaan 1995)
- Akta Taman Negara, 1980 (Pindaan 1983)
- Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Hutan Malaysia, 1985;
- Enakmen Perlombongan 1926;
- Akta Kerajaan Tempatan, 1976;
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994;
- Dasar Kepelbagaian Biologi Negara, 1998;
- Akta Orang Asli, 1954;
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969;
- Akta Pampasan Pekerja, 1952;
- Akta Perhubungan Pengusahaan, 1967;
- Akta Kesatuan Sekerja, 1959 (Akta 262);
- Akta Pekerjaan, 1955.

Imbasan Sepanjang Tahun 2013

SUMBER HUTAN

Pada akhir tahun 2013, kawasan berhutan merangkumi 466,792.58 atau 24.55% hektar dari keseluruhan 1,901,600.00 hektar muka bumi Negeri Johor.

Daripada jumlah keluasan tanah Negeri Johor, seluas 351,301.53 hektar atau 18.47% telah dijadikan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara, 1984. Manakala itu, seluas 80,907.05 hektar kawasan hutan tanah Kerajaan yang telah diluluskan sebagai Cadangan Hutan Simpanan kekal (CHSK) oleh pihak Kerajaan Negeri dalam proses untuk diwartakan. HSK dan CHSK ini adalah diuruskan di bawah prinsip pengurusan hutan secara berkekalan untuk tujuan memaksimumkan kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

PENGURUSAN SUMBER HUTAN

Sumber hutan asli di Negeri Johor terdiri daripada tiga jenis hutan utama iaitu Hutan Darat, Hutan Paya Gambut dan Hutan Paya Laut. Pengurusan hutan yang sistemetik telah bermula sejak tahun 1920 lagi apabila seorang pegawai hutan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dipinjamkan kepada Negeri Johor sebagai Pemelihara Hutan (*Forest Conservator*) yang pertama.

Pengurusan hutan telah dimantapkan dengan pelaksanaan Kriteria dan Petunjuk Malaysia bagi Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia [MC&I(Hutan Asli)] yang merupakan standard yang digunakan untuk menilai aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan di peringkat Unit Pengurusan Hutan (FMU) untuk tujuan pensijilan. Pensijilan ini membuktikan bahawa sumber kayu-kayan yang diusahakan dari kawasan HSK adalah dari kawasan yang diuruskan secara berkekalan dan dari sumber yang sah. Pengurusan Hutan mengikut standard MC&I telah mula dilaksanakan pada 1994 berdasarkan ITTO *Criteria and Indicators For Suitable Forest Management*. FMU Johor yang terlibat dengan pensijilan pengurusan hutan telah menjalani Audit Pemantauan MC&I(Hutan Asli) oleh SGS Sdn Bhd pada 24-27 Jun 2013 dan telah dikenakan 2 Major CARs dan 13 Minor CARs. Manakala Audit Verifikasi MC&I(Hutan Asli) oleh SGS Sdn. Bhd pada 17-19 September 2013 telah menutup 2 Major CARs dan 4 Minor CARs dengan menjadikan FMU Johor mempunyai 9 Minor CARs dan 1 OBS. Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah mengambil beberapa tindakan pembetulan dan pencegahan bagi memastikan pematuhan ke atas MC&I(Hutan Asli) dijalankan sepenuhnya. FMU Johor juga kekal dianugerahkan Sijil Kualiti MS ISO 9001:2008 Pengurusan Pengeluaran Kayu Secara Berkekalan bagi Hutan Darat Asli di HSK (Perancangan Catuan Tebangan Tahunan, Strategi dan Objektif serta menyelaraskan Aktiviti Pentadbiran dan Pemantauan) yang menunjukkan bahawa kawasan HSK telah diurus mengikut piawaian kualiti yang ditetapkan.

PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN

Usaha-usaha terus dipertingkatkan dalam memastikan sumber hutan negeri terpelihara dan memainkan fungsinya dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan hutan secara berkekalan.

Sehubungan dengan itu, peruntukan daripada belanjawan Persekutuan dan Negeri telah dilulus dan dibelanjakan bagi membiayai pelaksanaan program-program pembangunan hutan. Peruntukan ini adalah terdiri daripada peruntukan Pembangunan Negeri (P57), Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) dan dari sumber-sumber lain. Dalam tahun 2013, Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah berjaya membelanjakan peruntukan tahunan semasa yang mencapai 93% bagi perbelanjaan Mengurus dan sekitar 94% bagi perbelanjaan pembangunan. JPNJ telah melaksanakan 9 program pembangunan yang mengandungi 9 projek sepertimana yang dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (2011 – 2016) seperti berikut:

1. Pengurusan Sumber Hutan
2. Pembangunan Sumber Hutan
3. Hutan Lipur dan Eko-Pelancongan
4. Infrastruktur dan Utiliti
5. Pemeliharaan Sumber Hutan
6. IT dan K-Perhutanan
7. Publisiti, Latihan Dan Pengembangan
8. Kualiti Biji Benih dan Bahan Tanaman
9. Operasi dan Penguatkuasaan

Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan Hutan, 2013(RM)

Sumber Peruntukan	Peruntukan	Tanggungan	Perbelanjaan	Peratus (%)
Persekutuan	180,000.00		180,000.00	100
Negeri				
KWPH	687,000.00	184,610.00	461,817.41	94
P57	6,048,000.00	115,894.70	5,489,556.00	
Jumlah	6,915,000.00	300,504.70	6,131,373.41	93

Pemuliharaan Hutan & Perlindungan Alam Sekitar

KEMPEN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Pemuliharaan hutan dan kepentingannya kepada perlindungan alam sekitar diteruskan dan menjadi keutamaan JPNJ sepanjang tahun 2013. Pelbagai aktiviti dan program telah dijalankan sepanjang tahun demi memantapkan fungsi dan peranan JPNJ terhadap kepentingan ini.

Pada tahun 2013, jabatan telah berjaya mencapai sasaran dalam melaksanakan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara. Program ini adalah projek nasional yang diadakan secara berterusan dan juga dipantau di peringkat Kementerian NRE selepas kejadian Tsunami pada 26 Disember 2004.

Sebanyak 1,000 pokok Rhu telah berjaya ditanam di kawasan Persisiran Pantai Air Papan dengan melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan Institut Latihan Perindustrian (ILP), Mersing di bawah Kempen Kesedaran Alam Sekitar yang dianjurkan oleh JPNJ. Disamping itu, seluas 119.7 hektar kawasan yang telah dijalankan rawatan tanaman bagi kawasan-kawasan yang telah ditanam pada tahun-tahun sebelumnya.

Disamping itu, pelbagai program pengembangan maklumat dan promosi hutan-hutan lipur telah berjaya diadakan seperti Program Larian Hijau di Hutan Lipur Gunung Belumut, pertandingan fotografi, aktiviti *Let's Clean, Go Green* serta menyertai pameran-pameran jemputan dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

PENGUSAHASILAN HUTAN

Pada tahun 2013, seluas 1,224.37 hektar kawasan HSK telah diusahakan di bawah prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Keluasan ini merupakan 41.65% daripada Catuan Tebangan Tahunan yang ditetapkan iaitu 2,940 hektar. Selain daripada itu, pengusahakan juga dijalankan di kawasan hutan Tanah Kerajaan seluas 163.33 hektar dan hutan Tanah Bermilik seluas 16.19 hektar.

Kawasan Dilesenkan Untuk Pengusahakan, 2013(Hektar)

Kategori	Keluasan
Hutan Simpan Kekal	
CTT*	667.64
Bukan CTT+	556.73
Hutan Tanah Kerajaan	163.33
Hutan Tanah Bermilik	16.19
Jumlah	1403.89

- * Kawasan HSK yang diuruskan di bawah prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dan diusahakan di bawah amalan Sistem Pengurusan Memilih (SMS).
- + Kawasan HSK yang diusahakan secara tebang habis untuk tujuan pembangunan dan perladangan hutan.

PENGELUARAN HUTAN

Dalam tahun 2013, kesemua pengeluaran hasil kayu utama dari industri perhutanan mencatat sejumlah 90,775 m³. Manakala Pengeluaran kayu gergaji sebanyak 429,482 m³.

Pengeluaran	2013
Kayu Buluh	90,775
Pengeluaran Hasil Kayu Utama 2013 (m³)	
Kayu Bergaji	429,482

INDUSTRI BERSAS KAYU

Pada tahun 2013, sebanyak 125 buah industri berasas kayu berdaftar/berlesen dengan JPNJ. Kilang perabot/kilang kerja kayu/pertukangan tangan mencatatkan bilangan kilang terbesar diikuti oleh kilang papan.

Jenis Industri	Bilangan
Kilang Papan	75
Kilang Papan Lapis/Venir	10
Kilang Kayu Kumai	14
Perabot/Kilang Kerja Kayu/Pertukangan Tangan	55

KUTIPAN HASIL NEGERI

Kutipan hasil hutan diperolehi terutamanya daripada bayaran royalti, premium, ses pembangunan hutan, denda, pampasan/gantirugi dan lain-lain bayaran (lesen/permit). Pada tahun 2013, kutipan ini telah menyumbang sebanyak RM17,966,073.34 kepada hasil Kerajaan Negeri.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA JPNJ

Dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini pegawai dan kakitangan, JPNJ telah memberikan tumpuan kepada sumber-sumber yang penting bagi menyediakan dan mengendalikan latihan, kursus serta program pembelajaran bagi setiap lapisan jawatan. Sebanyak 20 kursus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013. Sementara itu, seramai 6 orang kakitangan telah menghadiri Kursus Sijil Pengawas Hutan di Sekolah Perhutanan Kepong dan berjaya memperolehi sijil masing-masing.

Program Latihan Sepanjang Tahun 2013

Bil.	Nama Kursus/Latihan	Tarikh	Tempat	Bilangan Peserta
1.	Kursus GIS Asas Modul Lesen Bil. 1/2013	31 Januari 2013	Bilik Mesyuarat JPNJ	10
2.	Kursus Teknik Tebangan Berarah	6-8 Mac 2013	Gunung Lambak Eco Resort	30
3.	Bengkel Pemantapan Hutan Lipur	11-12 Mac 2013	Taman Negara Ledang	40
4.	Kursus Pembangunan Hutan	20-22 Mac 2013	BTN Gunung Pulai	60
5.	Kursus Tatacara Pengurusan Stor dan Aset	22-23 April 2013	Dewan Yayasan Pembangunan Keluarga, Nusajaya	40
6.	Kursus Pengurusan Fail dan Rekod	24 April 2013	Dewan Yayasan Pembangunan Keluarga, Nusajaya	40
7.	Kursus Persediaan Peperiksaan Khas Memasuki Skim Perkhidmatan Renjer Hutan Gred G17 dan Pengawas Hutan G11	29-30 April 2013	Dewan Yayasan Pembangunan Keluarga, Nusajaya	50
8.	Kursus Dendrologi	7-9 Mei 2013	Hutan Lipur Panti, Kota Tinggi	70
9.	Kursus Asas Pengecaman Kayu	13-14 Mei 2013	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	50
10.	Kursus Pengendalian Senjata Api	21-22 Mei 2013	Padang Sasar Ladang Rem, Kota Tinggi	40
11.	Kursus Mensurasi Hutan	28-29 Mei 2013	Hotel Seri Malaysia, Mersing	50
12.	Kursus Pertolongan Cemas	29 Mei 2013	Hotel Seri Malaysia, Mersing	70
13.	Kursus Ukuran Tanah	29-31 Mei 2013	Hotel Seri Malaysia, Mersing	50
14.	Kursus Motivasi	16-18 Jun 2013	Rumah Persekutuan Cameron Highland	60
15.	Kursus Pemantapan Tugas Kutipan Hasil Hutan Di Balai Pemeriksaan Hutan	20-21 Jun 2013	Hotel Seri Malaysia, Mersing	40
16.	Kursus Pengenalan Mesin/ Peralatan dan Tatacara Permohonan Industri Berasas	28-30 Oktober 2013	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	35
17.	Kursus Pendedahan MS ISO 9001:2008	6-7 November 2013	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	50
18.	Kursus Pembangunan Hutan	12-14 November 2013	Galeri Gulam, MTIB	60
19.	Kursus Pengurusan Pokok-pokok Bahaya	11 Disember 2013	Hutan Lipur Gunung Belumut, Kluang	40
20.	Kursus Penilaian Hutan Lipur	12 Disember 2013	Hutan Lipur Gunung Belumut, Kluang	40

The background features a light gray, stylized illustration of several trees with bare branches. On the right side, there is a solid blue vertical bar. At the top of this bar, there is a small, detailed illustration of a tree with green foliage and a brown trunk. The word "ARTIKEL" is centered in the middle of the page.

ARTIKEL

Artikel 1

Disediakan oleh :
Muhamad Rizal bin Abd.Rahim
Penolong Pegawai Hutan Daerah Johor Selatan

OPERASI MEMBANTERAS PENCEROBOHAN DI HUTAN SIMPAN GUNUNG PULAI, PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR SELATAN.

Negeri Johor merupakan salah sebuah negeri yang kaya dengan flora dan fauna di Malaysia. Seluas lebih kurang 466,794 hektar tanah di negeri ini diliputi dengan kawasan berhutan. Daripada keseluruhan hutan tersebut, seluas 351,302 hektar telah diwartakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri sebagai Hutan Simpan Kekal dan diuruskan melalui 4 Pejabat Hutan Daerah iaitu Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan, Pejabat Hutan Daerah Johor Utara, Pejabat Hutan Johor Tengah dan Pejabat Hutan Daerah Johor Timur.

Seluas 94,848 hektar Hutan Simpan Kekal daripada keseluruhan Hutan Simpan Kekal yang telah diwartakan di negeri Johor diuruskan oleh Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan melibatkan 16 Hutan Simpan Kekal dan 10 kawasan cadangan Hutan Simpanan Kekal.

Salah satu hutan simpanan kekal yang diuruskan oleh Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan termasuklah Hutan Simpan Gunung Pulai.

Hutan Simpan Gunung Pulai telah diwartakan pada 28.10.1971 melalui no. Warta 786. Keluasan keseluruhan Hutan Simpan ini adalah lebih kurang 3,692.79 hektar. Hutan yang terdapat di dalam Hutan Simpan ini dikelaskan sebagai Hutan Dipterokarpa Pamah dan Hutan Dipterokarpa Bukit. Spesis-spesis pokok yang tumbuh di sini adalah terdiri daripada spesis Meranti Tembaga, Seraya, Balau, Kempas, Meranti Sarang Punai, Keruing, Nyatoh dan lain-lain lagi.

Hutan Simpan Gunung Pulai ini telah dikelaskan sebagai Hutan Perlindungan Tanah, Hutan Kawalan Banjir, Hutan Tadahan Air, Hutan Perlindungan Hidupan Liar dan Hutan Pelajaran. Ini adalah selaras dengan pengelasan hutan di bawah seksyen 10 Akta Perhutanan Negara 1984 dan Pindaan 1993. Selain daripada itu aktiviti-aktiviti pembalakan tidak dibenarkan sama sekali di dalam Hutan Simpan Kekal ini.

Dewasa ini, pencerobohan Hutan Simpan kekal merupakan cabaran terbesar oleh Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan yang perlu diban-teraskan dengan segera supaya ianya tidak berterusan. Sehubungan itu, bagi menangani masalah tersebut Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan telah menguatkuasakan undang-undang perhutanan di bawah seksyen 81 Akta Perhutanan Negara 1984 pindaan 1993 yang mana penceroboh-penceroboh Hutan Simpanan Kekal akan di dakwa di mahkamah dan sekiranya disabit kesalahan penceroboh tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.



2.0. PENCEROBOHAN HUTAN SIMPAN GUNUNG PULAI

Pencerobohan di dalam Hutan Simpan Gunung Pulau mula dikesan pada bulan Jun 2013. Daripada pemeriksaan didapati seluas 6.0 hektar telah diceroboh untuk ditanam dengan tanaman-tanaman pertanian seperti Kelapa Sawit, tanaman kontan seperti pokok limau dan ternakan kambing di dalam kawasan tersebut. Surat-surat amaran telah dikeluarkan dan ditampal di kawasan yang diceroboh tersebut supaya penceroboh menghentikan segera aktiviti tersebut dan seterusnya mengeluarkan semua tanaman pertanian dan ternakan yang berada di dalam kawasan hutan simpanan tersebut.

Memandangkan penceroboh tidak mengendahkan amaran yang telah diberikan, maka Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan dibantu oleh Pejabat Perhutanan Negeri Johor dan balai polis daerah Kulaijaya mengambil tindakan segera untuk membanteras aktiviti-aktiviti ini daripada berterusan. Sehubungan itu, seramai lebih kurang 100 orang kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan telah diarahkan untuk menjalankan operasi mencegah pencerobohan haram ini. Kawasan ini akan dipulihkan semula dengan tanaman-tanaman pokok hutan dengan kadar segera. Dianggarkan sebanyak lebih kurang 7,000 pokok-pokok hutan akan ditanam semula di kawasan ini selepas operasi mencegah pencerobohan haram ini selesai dijalankan sepenuhnya. Projek pembangunan semula kawasan yang telah diceroboh ini akan dijalankan bersama dengan Unit Silvikultur dan Perlindungan Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Artikel 2

Disediakan oleh :
Mohd Faiz bin Saion
Penolong Pemelihara Hutan (Operasi dan Penguatkuasaan Hutan)



JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR



STOR SIMPANAN BARANG-BARANG RAMPASAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Stor Simpanan Barang-Barang Rampasan Kota Tinggi adalah satu stor utama Jabatan Perhutanan Negeri Johor bagi menyimpan barang-barang kes yang dirampas dan disita untuk tujuan siasatan lanjut. Stor ini telah dibina pada tahun 2009 dan ditambah baik pada 2013. Stor ini terletak di dalam kawasan Pejabat Hutan Renj Kota Tinggi dan di kawal selia oleh Unit Operasi dan Penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri Johor bersama-sama dengan Pejabat Hutan Renj Kota Tinggi. Terdapat beberapa infrastruktur yang dibina seperti Pondok Kawalan dan Bilik Stor Berbumbung. Luas kawasan stor ini ialah 11200 kaki persegi (140 kaki x 80 kaki) yang dibina dengan dinding batu, pagar kawat duri dan pintu besi. Dengan keluasan yang ada, stor ini mampu menyimpan 12 buah jentera excavator dalam satu masa.



Artikel 3

Disediakan,
Nurul Nazera Binti Adnan

MERSING – Satu program perkhemahan telah dijalankan di Hutan Lipur Gunung Arong, Mersing dan telah disertai seramai 50 orang. Pelbagai aktiviti lasak yang dilakukan, aktiviti seperti ini lebih kepada penglibatan dan perlakuan aktiviti fizikal dan menguji ketahanan diri peserta.

Bagi melakukan aktiviti lasak seperti merentas dan meredah hutan (jungle trekking) yang mengambil masa kira-kira 1 jam lebih. Pelbagai flora dan fauna yang boleh dijumpai di dalam Hutan Lipur Gunung Arong. Bukan itu sahaja, melakukan aktiviti ikhtiar hidup di dalam hutan atau "survival in the jungle" juga turut dilakukan peserta untuk memberi pendedahan dengan pelbagai teknik dan cara untuk mendapatkan bekalan makanan dan minuman di dalam hutan, seandainya jika tersesat terpaksa menghabiskan masa di hutan sebelum bantuan penyelamat tiba. Ia juga merangkumi cara memasak makanan atau beras dengan menggunakan buluh, memasak menggunakan buah kelapa, mencari sumber gula iaitu melalui akar atau pucuk muda tumbuh-tumbuhan hutan, mencari sumber garam di celah-celah akar dan batu-batuan. Hari terakhir, peserta didedahkan dengan ikhtiar hidup dimana mereka terpaksa memasak telur di dalam tanah dan membakar roti lilit. Perkhemahan kali ini amat berjaya dan memberi pengalaman-pengalaman baru kepada para peserta. Di samping memperoleh ilmu pengetahuan tentang alam semula jadi dan kepentingan memelihara flora dan faunal.

Malah para peserta di beri peluang untuk menjalankan aktiviti "walk-night" pada malam tersebut. Aktiviti "walk-night" sangat menyeronokkan kerana memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar mengenai keadaan dan suasana di dalam hutan pada waktu malam.



Artikel 4

Disediakan oleh :
Mohd Faiz bin Saion
Penolong Pemelihara Hutan (Operasi dan Penguatkuasaan Hutan)



JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR



BILIK KEBAL JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Bilik Kebal Jabatan Perhutanan Negeri Johor adalah sebuah bilik penyimpanan senjata api. Bilik ini telah siap dibina sepenuhnya pada hujung tahun 2012 dan bersaiz 98 kaki persegi (14 kaki x 7 kaki) dengan dilengkapi pintu kalis api, kamera litar tertutup (CCTV), kaunter serahan, bekas pasir (tempat mengosongkan senjata api) dan alamari besi. Jabatan Perhutanan Negeri Johor juga mempunyai 10 laras short-gun model Maverick 88 # 31044 dan tiga (3) pucuk pistol model Akdal TR 02. Kesemua senjata api disimpan di bilik kebal tersebut dan pihak jabatan juga telah melantik seorang amra untuk merekod, menjaga keluar dan masuk senjata api dan perluru dari bilik kebal.



Artikel 5

Disediakan,
Md Nurrahiem Bin Mohd Ali
Penolong Pegawai Hutan Daerah Johor Timur, Mersing.

MAKAN BUAH DAN KHASIAT BUAH

Kita sedia maklum tentang kebaikan makan buah iaitu ia satu amalan pemakanan yang sihat. Namun, sejauh mana anda memahami faedah yang dapat diperolehi jika badan menerima buah-buahan sebagai sumber makanan?

Buah-buahan bukan sekadar dibasuh, dipotong dan dimakan. Tahukah anda, bahawa dengan memakan buah sebelum mengambil makanan lain, banyak manfaat yang dapat diperolehi. Antaranya ialah membuang segala sisa toksid yang ada dalam badan dan membekalkan tenaga yang mencukupi untuk kegunaan aktiviti harian. Buah-buahan adalah makanan yang tidak boleh ditinggalkan kerana khasiatnya yang pelbagai. Katakanlah anda makan dua keping roti dan kemudian sepotong buah. Disebabkan buah mudah dihadam berbanding roti, buah akan terlebih dahulu bersedia untuk ke perut melalui usus. Tetapi perjalanan tersebut terhalang oleh roti yang mengambil sedikit masa untuk hadam. Dalam tempoh menunggu, makanan tadi yang sedang mengalami proses penapaian akhirnya menukarkan tahap pHnya kepada asid. Akibatnya, apabila buah bertemu dengan makanan yang ada dalam perut dan jus penghadaman, kesemuanya rosak. Jadi, adalah lebih baik jika anda makan buah ketika perut sedang kosong atau sebelum makan. Buah-buahan jika bercampur dengan makanan yang sudah menapai akan menghasilkan gas yang akhirnya membuatkan anda sendawa. Selain dari itu, masalah rambut beruban, membotak dan tanda hitam sekitar mata tidak akan terjadi jika anda amalkan makan buah sebelum makan makanan lain.

Kajian yang dijalankan juga menunjukkan bahawa semua jenis buah akan bertukar menjadi sifat alkali dalam badan manusia. Jadi, tidak benar kenyataan yang mengatakan buah seperti limau atau oren yang berasid akan menyebabkan perut turut berasid. Begitu juga epal, sebiji sehari menjauhkan kita dari berjumpa doktor. Walaupun sebiji epal mengandungi vitamin C yang rendah, ia mempunyai antioksidan dan flavanoids, yang mana menambahkan aktiviti untuk vitamin C, secara tidak langsung membantu mengurangkan risiko barah kolon, sakit jantung dan angin ahmar. Buah oren pula adalah antara 'ubat' paling manis. Mengambil dua atau empat biji buah berkenaan sehari, boleh menjauhkan selesema, kolesterol mencegah dan melarutkan batu di dalam buah pinggang serta memperkecilkan risiko barah kolon. Buah mangga juga mempunyai rahsianya tersendiri dan mungkin ramai yang tidak tahu mengenai manfaatnya dalam membantu membaiki kesihatan seksual, khususnya bagi lelaki.

Pada 2005, lebih 17 juta orang meninggal dunia akibat penyakit kardiovaskular. Angka itu mencerminkan 30 peratus daripada kematian global. Kajian turut menunjukkan pengambilan lebih daripada lima hidangan buah-buahan dan sayuran sehari mengurangkan sehingga 17 peratus penyakit jantung koronari. Kajian lain pula mendedahkan, kira-kira 19 peratus pengidap kanser usus dan 31 peratus pesakit yang mengalami pembuluh tersumbat didapati kurang mengambil buah-buahan dan sayur-sayuran.

Ada pelbagai cara untuk menikmati buah-buahan dengan lebih menyelerakan. Misalnya, jika ingin menjadikan pemanis mulut, anda boleh letakkan ais krim di atasnya atau tambahkan dadih tetapi pastikan jangan terlalu manis terutama jika makan mangga kerana buah itu sendiri sudah pun manis. Untuk mendapatkan tidur yang lebih tenang dan berasa rehat, ada juga yang mencadangkan minum susu panas terlebih dulu, kemudian barulah makan buah kiwi. Bagi yang ada penyakit tertentu atau mempunyai masalah kesihatan, perlulah berhati-hati dan bersikap memilih. Ini kerana ada buah-buahan tertentu, mungkin tidak sesuai diambil. Contohnya, jika individu berkenaan mempunyai masalah penyakit buah pinggang kronik, jangan sama sekali mengambil buah belimbing kerana pengambilannya boleh memburukkan keadaan. Secara ringkasnya, buah-buahan yang ada amatlah penting untuk menjamin keselamatan dan kesihatan manusia sejagat. Buang ego buang riak, kesi-

hatan diri perlu diutamakan demi sebuah keluarga yang bahagia sepanjang zaman. Berikut adalah contoh buah-buahan dan kelebihanannya.

Anggur/kismis

Mengurangkan risiko kanser, strok, penyakit jantung dan kehilangan ingatan, anti-penuaan, antioksidan, antiradang, menjaga kesihatan kulit, mata, kardiovaskular, kesihatan gastrik, kesihatan saluran kencing dan menentang penyakit gusi.

Oren

Menjaga kesihatan jantung, penglihatan, pelalian dan mengurangkan risiko pelbagai kanser. Antioksidan, membantu perkembangan otak janin dan mengawal tekanan darah.

Epal

Mencegah demensia, mencegah kenaikan berat badan, menurunkan kolesterol, menentang kanser dan anti oksidan.

Pear

Antioksidan, menjaga kesihatan kardiovaskular, antiradang, menjaga kesihatan jantung, menyembuhkan luka dan lebam, memperbaiki tisu, menjaga kesihatan penglihatan, menentang jangkitan, menyokong transmisi saraf, melawaskan perut.

Pisang kaki

Menjaga kesihatan penglihatan, melegakan sembelit, cirit-birit, hemoroid (buasir) dan antioksidan.

Mangga

Antikanser, menjaga kesihatan penglihatan, membantu penghadaman, menjaga kesihatan kulit, membantu memperbaiki kesihatan seksual, berfaedah bagi anemia dan mencegah selaran panas.

Kiwi

Membantu mengatasi insomnia, mencairkan darah untuk kesihatan kardiovaskular (menurunkan kolesterol dan trigliserida), membantu memperbaiki pernafasan kanak-kanak (pendek nafas, berdehit dan batuk malam), mencegah kerosakan kulit yang menyebabkan kanser kulit, menjaga kesihatan penglihatan, kesihatan kolon dan kesihatan prostat.

Pisang

Antikemurungan (membantu memperbaiki ragam diri dan tidur), antioksidan, mengawal tekanan darah, meningkatkan daya tumpuan dan menguatkan ingatan, meningkatkan tenaga, menjaga kesihatan jantung, mengurangkan risiko kanser, melegakan cirit-birit dan juga sembelit.

The background features a large, light gray silhouette of a tree with many branches. In the top right corner, there is a smaller, more detailed illustration of a tree with green foliage and a brown trunk, set against a solid blue background. The title text is centered horizontally across the middle of the page.

PROFIL PERHUTANAN DAERAH

Daerah Hutan Johor Selatan



Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan,
Aras 9, Bangunan Sultan Ibrahim,
Jalan Bukit Tmbalan,
80000 Johor Bahru, Johor Darul Takzim
Tel: 07 224 3048
Fax: 07 224 5725

LAPORAN TAHUNAN 2013
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Pegawai Hutan Daerah	:	Rajihan bin Rahim (rajihan@forestry.gov.my)
Daerah Sivil	:	Johor Bahru, Pontian, Kulai Jaya dan Kota Tinggi
Renj Hutan	:	Renj Johor Bahru, Renj Gelang Patah, Renj Kota Tinggi, Renj Ulu Sedili, Renj Bukit Batu dan Sub-Renj Kong-Kong.
Hutan Lipur	:	Gunung Pulai 1, Gunung Pulai 2, Panti dan Suaka Burung Panti.
Sumber Hutan (ha)		
• HSK	:	74,589
• Tanah Kerajaan	:	12,724
Industri Hutan (bilangan)		
• Kilang Papan	:	12
• Kilang Papan Lapis	:	4
• Kilang Kayu Kumai	:	2
• Kilang Perabot	:	18
Pengeluaran Kayu Balak (m ³)	:	0
Bilangan Pegawai/Kakitangan	:	0

Daerah Hutan Johor Timur



Pejabat Hutan Daerah Johor Timur,
Aras 3, Bangunan Kompleks Pejabat Kerajaan,
Jalan Ibrahim,
86800 Mersing, Johor Darul Takzim
Tel: 07 799 1033
Fax: 07 799 5352

Pegawai Hutan Daerah	:	Ihsan Sabri bin Kamarazaman (ihsansabri@forestry.gov.my)
Daerah Sivil	:	Mersing, Jemaluang, Lenggong dan Endau
Renj Hutan	:	Renj Mersing, Renj Jemaluang, Renj Lenggong, Renj Tenggara, Renj Endau dan Renj Emas
Hutan Lipur	:	Gunung Arong
Sumber Hutan (ha)		
• HSK	:	135,463
• Tanah Kerajaan	:	15,435
Industri Hutan (bilangan)		
• Kilang Papan	:	3
• Kilang Papan Lapis	:	0
• Kilang Perabot	:	0

Daerah Hutan Johor Tengah



Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah,
Jalan Pejabat Kerajaan 2,
86000 Kluang, Johor Darul Takzim
Tel: 07 772 5944
Fax: 07 772 0844

Pegawai Hutan Daerah	:	Mohd. Faris bin Sobri (faris@forestry.gov.my)
Daerah Sivil	:	Kluang, Batu Pahat, Sebahagian kecil Daerah Labis
Renj Hutan	:	Renj Bekok, Renj Madek, Renj Sembrong, Renj Yong Peng / Batu Pahat, Unit Pembangunan Hutan Kg. Gajah
Hutan Lipur	:	Gunung Belumut dan Soga Perdana
Sumber Hutan (ha)		
• HSK	:	67,130
• Tanah Kerajaan	:	1,217
Industri Hutan (bilangan)		
• Kilang Papan	:	31
• Kilang Papan Lapis	:	0
• Kilang Kayu Kumai	:	0
• Kilang Perabot	:	24

Daerah Hutan Johor Utara



Pejabat Hutan Daerah Johor Utara,
Jalan Awang,
85000 Segamat, Johor Darul Takzim
Tel: 07 931 2141
Fax: 07-9317518

Pegawai Hutan Daerah	:	Shohaimi bin Md Sani (Shohaimi@forestry.gov.my)
Daerah Sivil	:	Ledang, Muar, Segamat, Daerah Kecil Labis
Renj Hutan	:	Renj Labis, Renj Ledang, Renj Muar, Renj Segamat
Hutan Lipur	:	Sungai Bantang dan Taka Melor
Sumber Hutan (ha)	:	
• HSK	:	74,120
Industri Hutan (bilangan)	:	
• Kilang Papan	:	16
• Kilang Papan Lapis	:	1
• Kilang Kayu Kumai	:	1
• Kilang Perabot	:	13
Pengeluaran Kayu Balak (m ³)	:	0
Bilangan Pegawai/Kakitangan	:	0



PERISTIWA TAHUN 2013

Peristiwa Tahun 2013

Bulan	Tarikh	Tempat	Aktiviti Yang Dijalankan
Januari	24 Januari 2013	Perkarangan Bandar Kluang	Perarakan Sempena Maulidur Rasul Peringkat Daerah Kluang
	31 Januari 2013	Bilik Mesyuarat JPNJ	Kursus GIS Asas Modul Lesen Bil.1/2013
Februari	5 Februari 2013	Restoran Tudung Saji, Kluang	Majlis Meraikan Pertukaran Dan Perpisahan Renjer-Renjer Hutan Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah Kluang.
Mac	6-8 Mac 2013	Gunung Lambak Eco Resort	Kursus Teknik Tebangan Berarah
	11-12 Mac 2013	Taman Negara Ledang	Bengkel Pemantapan Hutan Lipur
	20-22 Mac 2013	BTN Gunung Pulai	Kursus Pembangunan Hutan
	26 Mac 2013	Hutan Simpan Labis	Operasi Penguatkuasaan Hutan Bersepadu "OPS SAWIT HARAM" di Sbhgn. Kompt. 839 dan 840, HS Labis, Daerah Kluang
April	19 April 2013	Bandar Kluang	Lawatan PUSPANITA Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSPM) ke Kluang
	24 April 2013	Dewan Yayasan Pembangunan Keluarga, Nusajaya	Kursus Pengurusan Fail dan Rekod
	29-30 April 2013	Dewan Yayasan Pembangunan Keluarga, Nusajaya	Kursus Persediaan Peperiksaan Khas Memasuki Skim Perkhidmatan Renjer Hutan Gred G17 dan Pengawas Hutan G11
Mei	7-9 Mei 2013	Hutan Lipur Panti, Kota Tinggi	Kursus Dendrologi
	13-14 Mei 2013	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	Kursus Asas Pengecaman Kayu
	21-22 Mei 2013	Padang Sasar Ladang Rem, Kota Tinggi	Kursus Pengendalian Senjata Api
	28-29 Mei 2013	Hotel Seri Malaysia, Mersing	Kursus Mensurasi Hutan
	29 Mei 2013	Hotel Seri Malaysia, Mersing	Kursus Pertolongan Cemas
	29-31 Mei 2013	Hotel Seri Malaysia, Mersing	Kursus Ukuran Tanah

Bulan	Tarikh	Tempat	Aktiviti Yang Dijalankan
Jun	8 Jun 2013	Perkarangan Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah , Kluang	Majlis Tahlil dan Arwah Sempena Menyambut Awal Ramadhan Untuk Kakitangan Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah, Kluang
	16-18 Jun 2013	Rumah Persekutuan Cameron Highland	Kursus Motivasi
	20-21 Jun 2013	Hotel Seri Malaysia, Mersing	Kursus Pemantapan Tugas Kutipan Hasil Hutan Di Balai Pemeriksaan Hutan
	23 Jun 2013	Hutan Lipur Gunung Belumut , Kluang , Johor.	Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Ke- 42 Peringkat Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah Tahun 2013 Dan Program " Let's Clean Go Green"
Julai	29 Julai 2013	Majlis Bandar Kluang	Majlis Tadarus Dan Khatam Al-Quran Program Membudayakan Al-Quran Peringkat Daerah Kluang Tahun 2013M/1434H.
Ogos	23 Ogos 2013	Perkarangan Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah , Kluang	Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1434H /2013M Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah, Kluang
	29 Ogos 2013	Pejabat Renj Hutan Gelang Patah	Ceramah Agama oleh Majlis Agama Islam Johor dan juga Majlis Sambutan Aidilfitri PHDJS
September	21 September 2013	Hutan Lipur Gunung Belumut , Kluang , Johor.	Program Larian Hijau "Green Run" Jabatan Perhutanan Negeri Johor
	8 Sept 2013	Hutan Lipur Pantii	Program Let,s Clean Go Green bersama-sama dengan guru-guru dan pelajar sekolah dari Daerah Pasir Gudang, Johor Bahru.
Oktober	4 – 6 Oktober 2013	Hutan Lipur Gunung Belumut , Kluang , Johor.	Program Perkemahan Bersepadu Unit Beruniform Dan Kem Kepimpinan (Sekolah Kebangsaan Kangka Tebrau, Johor Bahru)
	5 Oktober 2013	Hutan Lipur Gunung Belumut , Kluang , Johor.	Program Gotong-Royong Di Hutan Lipur Gunung Belumut , Kluang , Johor.
	26 Oktober 2013	Empangan Kahang , Kluang	Lawatan Y.A.B. Menteri Besar Johor Ke Empangan Kahang.
	28-30 Oktober 2013	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	Kursus Pengenalan Mesin/ Peralatan dan Tatacara Permohonan Industri Berasas

Bulan	Tarikh	Tempat	Aktiviti Yang Dijalankan
November	6-7 November 2013	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	Kursus Pendedahan MS ISO 9001:2008
	12-14 November 2013	Galeri Glulam, MTIB	Kursus Pembangunan Hutan
	14 November 2013	Yong Peng, Batu Pahat	Lawatan Kerja Ke Kawasan Ladang Hutan Eucalyptus Di Yong Peng, Daerah Batu Pahat.
	21 November 2013	Majlis Bandar Kluang	Majlis Tahlil Dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan D.Y.M.M Sultan Johor Peringkat Daerah Kluang Tahun 2013.
	29 November 2013	Bilik Seminar Dewan Tunku Ibrahim , Kluang.	Program Penguatkuasaan Bersama Agensi - Ceramah Integriti oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Disember		VBowl Bowling, Kluang Parade	Kejohanan Bowling PEKSPER 2013 Jabatan Perhutanan Negeri Johor
	2 – 5 Nov 2013	Ho Chi Minh City, Vietnam	Lawatan ke Sungai Mekong serta Tropical Fruit Fam, Muzium Perang Vietnam, Terowong Chu Chi dan Pasar Ben Thanh.
	28 Nov 2013	Kompt. 1, HS Gunung Pulai	Operasi membanteras pencerobohan di Kompt. 1, Hutan Simpan Gunung Pulai.
	8 Disember 2013	Majlis Bandar Kluang	Majlis Bacaan Yassin Dan Tahlil Sempena Hol - Marhum Sultan Iskandar Peringkat Daerah Kluang Tahun 2013.
	11 Disember 2013	Hutan Lipur Gunung Belumut, Kluang	Kursus Pengurusan Pokok-pokok Bahaya
	12 Disember 2013	Hutan Lipur Gunung Belumut, Kluang	Kursus Penilaian Hutan Lipur

Kejohanan Bowling PEKSPER 2013 Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KEJOHANAN BOWLING PEKSPER 2013 JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Pada 29 November 2013 (Jumaat) Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah dengan kerjasama Persatuan Kebajikan dan Sukan Perhutanan Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menganjurkan Kejohanan Bowling PEKSPER 2013, Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Kejohanan ini telah disertai oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Pejabat Perhutanan Negeri Johor dan semua Pejabat Hutan Daerah di dalam Negeri Johor. Kejohanan ini diadakan bertujuan untuk membuat pemilihan pemain bowling bagi mewakili Jabatan Perhutanan Negeri Johor ke Kejohanan Mini MAKSPER 2014 di samping merapatkan dan mengukuhkan talian silaturrahim di kalangan warga perhutanan. Setiap Pejabat Hutan Daerah dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menghantar dua kumpulan yang terdiri daripada dua orang pemain lelaki dan seorang pemain perempuan bagi setiap kumpulan. Seramai 17 orang pegawai kanan dan 30 orang kakitangan telah mendaftarkan diri sebagai peserta bagi kejohanan kali ini. Kejohanan yang mendapat sambutan hangat ini telah diadakan di VBowl Bowling, Kluang Parade bermula pada pukul 3.00 petang. Kejohanan ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Yahaya bin Mohamood, Pengarah Perhutanan Negeri Johor dengan membuat balingan perasmian sebagai simbolik perasmian. Setiap kumpulan dikehendaki untuk menghabiskan tiga set permainan untuk ditabalkan sebagai pemenang dengan kiraan jatuhan pin. Hadiah untuk para pemenang telah disampaikan Tuan Haji Yahaya bin Mohamood di akhir kejohanan.



Setiap wakil daripada Pejabat Hutan Daerah dan Ibupejabat Jabatan Perhutanan Negeri Johor Bergambar Bersama Pengarah Perhutanan Negeri Johor Sebagai Kenang-kenangan.

KEPUTUSAN KEJOHANAN BOWLING PEKSPER 2013 23 NOVEMBER 2013 DI VBOWL BOWLING, KLUANG PARADE, KLUANG

Kategori Kumpulan

Pertama	Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah	(PHDJH)
Ke-2	Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan	(PHDJS)
Ke-3	Pejabat Hutan Negeri, Nusajaya	(PHN)
Ke-4	Pejabat Hutan Daerah Johor Utara	(PHDJU)
Ke-5	Pejabat Hutan Daerah Johor Timur	(PHDJT)

Kategori Individu (Lelaki)

Pertama	En. Mohd Rizal bin Hamdan	PHDJS
Ke-2	En. Mohd. Rahim bin Rani	PHN
Ke-3	En. Morpi bin Ami	PHDJH
Ke-4	En. Hairudin bin Talib	PHDJH
Ke-5	En. Munshi bin Sulaiman	PHN
Ke-6	En. Lokman bin Amat Hamdi	PHDJU
Ke-7	En. Rahmat bin Arshad	PHDJT
Ke-8	En. Mohd Fazli bin Mazalan	PHN
Ke-9	En. Azirin bin Suhut	PHDJH
Ke-10	En. Zainuddin bin Idris	PHDJT
Ke-11	En. Rajihan bin Rahim	PHDJS
Ke-12	En. Anuar bin Dahlan	PHDJS
Ke-13	En. Muhamad 'Aizat bin Norzaman	PHDJH
Ke-14	En. Ad Nor bin Wahab	PHDJS
Ke-15	En. Mohamad Rizal bin Abd Rahim	PHDJS
Ke-16	En. Mohd Asngari bin Kosnin	PHDJH
Ke-17	En. Ihsan Sabri bin Kamarazaman	PHDJU
Ke-18	En. Fakrul Hafidz bin Sukri	PHDJU
Ke-19	En. Ali Gema Hidayatullah bin Zainal	PHN
Ke-20	Tuan Haji Yahaya bin Mohamood	PHN

Kategori Kakitangan (Wanita)

Pertama	Pn. Suraya binti Harun	PHDJH
Ke-2	Pn. Nur Fazlin binti Ahmad	PHN
Ke-3	Pn. Normah binti Othman	PHDJH
Ke-4	Pn. Fuaddah binti Dahlan	PHDJS
Ke-5	Pn. Nazira binti Mohamed	PHDJU
Ke-6	Pn. Zaiton binti Abdullah	PHDJS
Ke-7	Pn. Mazura binti Mohamad	PHDJU
Ke-8	Pn. Norijah binti Md Noor	PHN
Ke-9	Pn. Zanariah binti Ahmad	PHDJT
Ke-10	Pn. Siti Aisyah binti Abdul Wahab	PHDJT

Mata Tertinggi

- Lelaki - En. Mohd Rizal bin Hamdan (PHDJS)
Wanita - Pn. Suraya binti Harun (PHDJH)



Sesi bergambar bersama pemenang pertandingan bowling dan Pengarah Perhutanan Negeri Johor

PROGRAM LARIAN HIJAU "GREEN RUN" JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR



*Sesi taklimat dan peraturan pertandingan
oleh Timbalan Pengarah Perhutanan sebelum Pertandingan Larian Hijau dimulakan*

Pada 21 September 2013 (Sabtu), Jabatan Perhutanan Negeri Johor bersama Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah, Kluang telah menganjurkan Program Larian Hijau "Green Run" di Hutan Lipur Gunung Belumut. Program ini merupakan program dwi-tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor di kawasan-kawasan hutan lipur di Negeri Johor.



Sesi bergambar bersama pemenang kategori lelaki remaja dan Pengarah Perhutanan Negeri Johor, Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Johor serta Pegawai Hutan Daerah Johor Tengah.



Sesi bergambar bersama pemenang kategori wanita veteran dan Pengarah Perhutanan Negeri Johor, Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Johor serta Pegawai Hutan Daerah Johor Tengah.

Objektif utama program ini adalah untuk mewujudkan satu aktiviti sihat dan cergas di mana peserta menikmati kesegaran udara hutan hijau tropika yang terdapat di Negeri Johor di samping dapat memperkenalkan lagi kawasan-kawasan hutan lipur sebagai satu destinasi larian riadah dan larian lasak ke arah mempromosikan eko-pelancongan hutan di Negeri Johor.

Selain itu, program ini dapat membantu generasi kini lebih mencintai alam semula jadi. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Datuk Tee Siew Kiong, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor. Antara tetamu kehormat yang hadir adalah Tuan Haji Abdul Karim bin Abu Bakar, Pegawai Daerah Kluang dan Tuan Haji Yahaya bin Mohamood, Pengarah Perhutanan Negeri Johor. Terdapat enam kategori yang dipertandingkan iaitu Terbuka Lelaki dan Wanita, Veteran Lelaki dan Wanita dan Remaja Lelaki dan Wanita. Selain itu, pelbagai aktiviti yang menarik telah disusun bagi memeriahkan lagi program ini. Antaranya Senamrobik, Lawatan Taman Herba, Pertandingan Mewarna kategori kanak-kanak dan demonstrasi memanjat pokok bagi perolehan biji benih serta aktiviti gotong royong oleh pelajar PLKN.

PROGRAM PERKHEMAHAN BERSEPADU UNIT BERUNIFORM DAN KEM KEPIMPINAN (SEKOLAH KEBANGSAAN KANGKAR TEBRAU, JOHOR BAHRU)

Disediakan oleh: En. Muhamad 'Aizat Bin Norazman,
Penolong Pegawai Hutan Daerah Johor Tengah, Kluang, Johor

Kluang, 4 – 6 Oktober 2013 - Satu Program Perkhemahan Bersepadu Unit Beruniform dan Kem Kepimpinan telah dianjurkan oleh Sekolah Kebangsaan Kangkar Tebrau dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah, Kluang bertempat di Hutan Lipur Gunung Belumut, Kluang, Johor. Objektif program ini adalah untuk melatih dan memberi pendedahan kepada para peserta dalam memimpin sesebuah kumpulan. Selain itu, para peserta dilatih untuk berdikari serta boleh menyelesaikan masalah dengan sebaiknya. Seramai 19 orang kakitangan daripada Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah, Kluang telah dilantik untuk menjadi fasilitator dalam program. Antara modul-modul yang dijalankan adalah ceramah kepimpinan, pandu arah, ikhtiar hidup, kembara rimba dan lain-lain lagi. Program ini berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan berdasarkan maklumbalas daripada peserta yang amat positif dan berasa teruja untuk menyertai program seumpama ini pada masa akan datang.



*Sesi bergambar bersama para peserta program perkhemahan,
guru pengiring dan Penolong Pegawai Hutan Daerah Johor Tengah.*

PROGRAM 'LET'S CLEAN, GO GREEN' PERINGKAT PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR UTARA DENGAN KERJASAMA PEJABAT KESIHATAN SEGAMAT DI HUTAN LIPUR SG. BANTANG, BEKOK.



Bekok, 5 Disember 2013 – Program tahunan *Let's Clean, Go Green* Pejabat Hutan Daerah Johor Utara Segamat dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Segamat. Bertempat di Hutan Lipur Sungai Bantang, Bekok yang telah dihadiri oleh En. Ihsan Sabri bin Kamarazaman Pegawai Hutan Daerah Johor Utara Segamat, En. Shohaimi bin Md Sani Pegawai Hutan Daerah Johor Timur Mersing (selaku wakil Pegawai-pegawai Kanan JPNJ), En. Fakhru Hafidz bin Sukri (PPHDJU) dan warga kerja seramai 70 orang turut serta bagi menjayakan program tersebut.

Dalam ucapan oleh Pegawai Hutan Daerah Johor Utara, Program *Let's Clean, Go Green* ini merupakan aktiviti rutin yang dijalankan setiap tahun oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang tanggungjawab pemeliharaan alam sekitar yang bersih dan hijau. Adalah menjadi satu tanggungjawab kepada semua golongan masyarakat dalam mengembeling tenaga bagi mempertahankan keindahan alam semulajadi dan kesegaran udara agar terus berkekalan untuk dinikmati oleh generasi masa kini dan diwarisi pada masa akan datang.

Pejabat Kesihatan Segamat juga telah menawarkan pemeriksaan kesihatan kepada semua warga kerja Pejabat Hutan Daerah Johor Utara pada hari tersebut. Pemeriksaan kesihatan yang dijalankan mampu memantau serta mengetahui tahap kesihatan masing-masing. Ianya amat perlu supaya sentiasa berkeadaan sihat di dalam menjalankan tugas-tugas seharian.

Acara penanaman dua pokok spesies Bunga Tanjung (*Mimusops elengi*) telah disempurnakan oleh Pegawai Hutan Daerah Johor Utara, Segamat dan Pegawai Hutan Daerah Johor Timur Mersing. Warga kerja juga telah diberi pembahagian tugas di beberapa zon pembersihan dan memungut sisa sampah di persekitaran Hutan Lipur Sungai Bantang, Bekok agar bersih dan terpelihara. Bagi memeriahkan program tersebut, cabutan bertuah telah diadakan bagi menghargai warga kerja yang hadir.

Justeru itu sumbangan serta penglibatan oleh setiap warga kerja serta tanggungjawab daripada lapisan masyarakat perlulah dikekalkan agar bumi kita terus kekal hijau dan serba sedikit dapat memberi impak yang berguna kepada generasi yang akan datang.

AKTIVITI SEPANJANG PROGRAM LET'S CLEAN GO GREEN



Gambar 1 : Sebahagian warga kerja PHDJU yang hadir dalam Program Let's Clean Go Green.



Gambar 2 : Penanaman dua pokok spesies Bunga Tanjung (*Mimusops elengi*) disempurnakan oleh En. Ihsan Sabri (PHDJU) dan En. Shohaimi (PHDJT).



Gambar 3 : Sebahagian aktiviti yang dijalankan oleh warga kerja PHDJU



Gambar 4 : En. Ihsan Sabri (PHDJU) dan En. Shohaimi (PHDJT) turut serta membuat pemeriksaan kesihatan.



Gambar 5 : Pegawai Pejabat Kesihatan sedang membuat pemeriksaan kesihatan warga kerja PHDJU



Gambar 6 : En. Ihsan Sabri (PHDJU) turut menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada warga kerja PHDJU.

LAWATAN KERJA BERKAITAN PENGURUSAN REKREASI DAN EKO PELANCONGAN DI NEGERI SABAH OLEH JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR 1-4 DISEMBER 2013

Menambah ilmu sejauh mana yang boleh. Itulah pendorong kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor untuk menimba ilmu dan pengalaman dengan membuat satu (1) rombongan lawatan kerja ke Negeri Sabah di Bawah Bayu yang berkaitan pengurusan rekreasi dan eko pelancongan negeri tersebut. Seramai 15 orang kakitangan dari seluruh Jabatan Perhutanan Negeri Johor yang terlibat secara langsung dalam pengurusan hutan lipur. Rombongan ini selama 4 hari 3 malam.

1 Disember 2013 rombongan bertolak dari Lapangan Terbang Senai Johor Bahru dan sampai pada pukul 11 pagi di Lapangan Terbang Kota Kinabalu Sabah. Rombongan ini terus ke Taman Hidupan Liar Lok Kawi di Kinarut untuk melihat binatang-binatang yang terdapat di sana dan melihat cara pengurusan taman tersebut.

2 Disember 2013 lawatan ke Taman Gunung Kinabalu di Kundasang adalah tempat di mana bermulanya pendakian ke puncak Gunung Kinabalu. Keadaan cuaca yang agak sejuk dan kawasan yang berbukit tinggi membolehkan pengunjung menghirup udara yang sejuk dan nyaman kerana berada di ketinggian 1000 kaki a.p.l. Selain itu, *Poring Hot Spring* dimana kami merendam kaki dengan air panas yang terhasil dari sulfur tidak kurang juga yang mandi air panas. Melawat juga ke Jabatan Perhutanan Ranau Sabah.

3 Disember 2013 rombongan ini ke Taman Perbadanan Taman-taman Sabah memberi pengalaman yang menarik kerana melihat keindahan pulau-pulau terdapat di Taman Sabah dan mendengar penerangan tentang pengawasan dan pengurusan kawasan tersebut.

4 Disember 2013 melawat ke Taman Budaya di Mari-mari *Cultural Village* di mana kita dapat mengenal budaya dan mengetahui 32 etnik yang terdapat di Negeri Sabah serta adat resam yang berlainan membezakan antara kaum tersebut. Selepas itu, rombongan ke Muzium Sabah di Likas dan juga Masjid Terapung di Likas. Pada sebelah petang, kami bersiap ke Lapangan Terbang Kota Kinabalu untuk bertolak pulang dan tiba pada pukul 12.30 tengah malam di Lapangan Terbang Senai Johor Bahru.

Lawatan kerja berkaitan pengurusan rekreasi dan eko pelancongan di Negeri Sabah telah memberi makna yang amat besar kepada rombongan kerana dapat menimba ilmu mengenai pengurusan, pengawasan dan meningkatkan mutu terdapat hutan lipur di Negeri Johor.

GAMBAR LAWATAN KERJA BERKAITAN PENGURUSAN REKREASI DAN EKO PELANCONGAN DI NEGERI SABAH 1- 4 DISEMBER 2013

LAPORAN TAHUNAN 2013
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR



Taklimat daripada Pegawai Hidupan Liar, Taman Hidupan Liar Lok Kawi, Kinarut



Salah satu Pemandangan Di Puncak Bukit Kawasan Tanaman Mengaya Hutan Simpan Bukit Hampuan, Daerah Ranau.



Para pelawat bergambar di salah satu Batu Tanda di Taman Gunung Kinabalu



Para Peserta menikmati kehangatan air panas semulajadi di Poring Hot Spring, Ranau



Para peserta dibawa ke Taman Pulau-pulau Tunku Abd Rahman, Sabah.

The background features a stylized illustration of several trees with light gray trunks and branches against a white background. In the top right corner, there is a small, vibrant tree with green foliage and a brown trunk, set against a solid blue sky. The word "JADUAL" is centered in the middle of the page.

JADUAL



Jadual 1: Tanah Berhutan Dan Tidak Berhutan, Negeri Johor, 2013 (ha)

Daerah Hutan	Keluasan Tanah (a)	Hutan Simpanan Kekal (HSK)		Rizab Hidupan Liar		Hutan Tanah Kerajaan (g)	Lain-Lain Rizab Berhutan (h)	Jumlah Besar	
		Diwarta (b)	Cadangan (c)	Jumlah (d) = (b + c)	Dalam HSK (e)	Luar HSK (f)		Berhutan (i) = (d+f+g+h)	Tidak Berhutan (j) = (a - i)
Johor Selatan	657,807	74,589	26,219	100,808	15,050	325	12,724	118,741	539,066
Johor Timur	326,966	135,463	19,933	155,396	51,125	-	15,435	170,831	156,135
Johor Utara	455,055	74,120	33,527	107,647	7,779	-	-	107,647	347,408
Johor Tengah	461,772	67,130	1,228	68,358	37,500	-	1,217	69,575	392,197
Jumlah	1,901,600	351,302	80,907	432,208	111,454	325	29,376	466,794	1,434,806

Jadual 2: Keluasan Hutan Simpanan Kekal Mengikut Jenis-Jenis Hutan, Negeri Johor, 2013 (ha)

Daerah Hutan	Hutan Darat	Hutan Paya Gambut	Hutan Paya Laut	Jumlah Keluasan
Johor Selatan	56,216	-	18,373	74,589
Johor Timur	135,463	-	-	135,463
Johor Utara	69,831	4,289	-	74,120
Johor Tengah	67,130	-	-	67,130
Jumlah	328,640	4,289	18,373	351,302



Jadual 3: Senarai Hutan Simpanan Kekal Mengikut Jenis-Jenis Hutan, Negeri Johor, 2013 (ha)

Bil.	Hutan Simpan	Tarikh Warta	Nombor Warta	Jenis Hutan	Keluasan
1.	Batang	17.08. 1950	650	Hutan Darat	883.77
2.	Bukit Bindu	26.03. 1970	377	Hutan Darat	165.92
3.	Bukit Hantu	07.08. 1940	914	Hutan Darat	764.41
4.	Bukit Inas	26.03. 1970	377	Hutan Darat	805.34
5.	Gemereh	21.10.2008	7515	Hutan Darat	311.03
6.	Gunung Arong	11.08. 1926	384	Hutan Darat	19,975.45
7.	Gunung Arong Tambahan 2	05.12.1996	1588	Hutan Darat	399.00
8.	Gunung Arong Tambahan 3	05.12.1996	1587	Hutan Darat	3,258.00
9.	Gunung Arong Tambahan	08.05.2003	1077	Hutan Darat	775.25
10.	Gunung Ledang	24.06. 1931	384	Hutan Darat	8,576.21
11.	Gunung Pulai	28.10. 1971	786	Hutan Darat	3,672.56
12.	Ulu Sedili	08.11. 1951	897	Hutan Darat	24,951.00
13.	Jemaluang	31.07. 1923	312	Hutan Darat	5,208.85
14.	Jemaluang Tambahan	02.02.2006	201	Hutan Darat	375.26
15.	Jementah	14.11. 1957	228	Hutan Darat	356.84
16.	Jementah Tambahan	21.10.2008	7514	Hutan Darat	122.90
17.	Sermin	06.11.2008	7516	Hutan Darat	3,256.49
18.	Sungai Segamat	21.10.2008	7513	Hutan Darat	1,301.94
19.	Kluang	23.01. 1929	37	Hutan Darat	16,264.55
20.	Labis	10.07. 1929	375	Hutan Darat	78,950.01
21.	Labis Tambahan	27.04.2006	733	Hutan Darat	3,870.50
22.	Lenggor	14.05. 1941	524	Hutan Darat	31,050.99
24.	Ma'okil	29.08. 1924	587	Hutan Darat	28,740.21

LAPORAN TAHUNAN 2013

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Bil.	Hutan Simpan	Tarikh Warta	Nombor Warta	Jenis Hutan	Keluasan
25.	Mersing	23.09. 1924	512	Hutan Darat	24,050.98
26.	Mersing	01.04.2010	2358	Hutan Darat	987.50
27.	Panti	15.09. 1949	727	Hutan Darat	13,188.27
28.	Renggam	04.11. 1925	531	Hutan Darat	1,425.25
29.	Sedenak	28.06. 1929	629	Hutan Darat	585.81
30.	Soga	03.01. 1934	8	Hutan Darat	1,020.34
28.	Ulu Sedili Tambahan	17.08. 1978	1214	Hutan Darat	32,534.09
30.	Tenggaroh	08.11. 1951	896	Hutan Darat	12,302.29
31.	Semberong Tambahan	03.03.2005	362	Hutan Darat	4,634.56
32.	Bukit Payong	26.03.1973	377	Hutan Darat	259.00
32.	Seluyut	03.12.2009	12044	Hutan Darat	3,615.00
Jumlah Keluasan Hutan Darat					328,639.57
33.	Air Hitam Utara	28.02. 1940	272	Hutan Paya Gambut	3,795.84
34.	Air Hitam Utara Tambahan	26.02.1904	2340	Hutan Paya Gambut	493.52
Jumlah Keluasan Hutan Paya Gambut					4,289.36
35.	Belungkor	05.02. 1941	141	Paya Laut	897.91
36.	Kuala Sedili	23.12. 1925	642	Paya Laut	433.02
37.	Sungai Johor	16.04. 1941	427	Paya Laut	3,025.52
38.	Sungai Lebam	23.09. 1965	800	Paya Laut	2,265.50
39.	Sungai Santi	12.04. 1951	264	Paya Laut	3,336.09
40.	Sungai Pulai	24.10. 1923	497	Paya Laut	8,353.23
41.	Benut	14.10.1931	659	Paya Laut	61.33
Jumlah Keluasan Hutan Paya Laut					18,372.60
Jumlah Keseluruhan Hutan Simpan Diwartakan					351,301.53



Jadual 4: Keluasan Hutan Yang Dilesenkan Untuk Pengusahaan, Negeri Johor, 2013 (ha)

Daerah Hutan	Hutan Simpanan Kekal					Tanah Kerajaan	Tanah Bermilik	Jumlah Besar (h)=(e+g+h)
	Di Bawah CTT*	Tujuan Pembangunan	Ladang Hutan	Lain -Lain	Jumlah (e)=(a+b+c+d)			
Johor Selatan	40.00	-	879.66	-	919.66	68.80	395.439	1,383.90
Johor Timur	525.09	-	739.26	-	1264.35	494.69	363.856	2,122.90
Johor Utara	185.51	-	-	-	185.51	63.40	5,295	254.21
Johor Tengah	373.77	-	-	-	373.77	188.00	3,237	565.01
Jumlah	1124.37	-	1618.92	-	2743.29	814.89	767.827	4,326.01

CTT* = Catuan Tebangan Tahunan Diluluskan : 2,940 ha (RMK -10)



Jadual 5: Harga Purata Tempatan (Di Kilang) Kayu balak Mengikut Spesies, Negeri Johor, 2013 (RM/m3)

Spesies	Harga Purata Tempatan
Balau	2,476.00
BalauMerah	2,476.00
CampuranKayuKerasBerat	994.00
CampuranKayuKerasSederhana	738.00
CampuranKayuKerasRingan	738.00
Chengal	6,800.00
Jelutong	1,117.00
Kapor	1,471.00
KayuGetah	-
Kempas	1,372.00
Keruing	1,391.10
Mengkulang	1,143.00
MerantiKuning	1,363.00
MerantiMerah	1,406.00
MerantiMerahMuda	1,406.00
MerantiMerahTua	1,415.00
MerantiPutih	996.00
Merbau	2,354.00
Mersawa	1,283.00
Nyatoh	1,030.00
Sepetir	865.00
Ramin	738.00



Jadual 6: Bilangan Industri Berasas Kayu Terpilih, Negeri Johor, 2013

Daerah Hutan	Kayu Gergaji (Sawmills)		Kilang papan Lapis / Venir		Kilang Kayu Kumai		Kilang Perabot		Kilang Papan Serpai	
	Berdaftar	Beroperasi	Berdaftar	Beroperasi	Berdaftar	Beroperasi	Berdaftar	Beroperasi	Berdaftar	Beroperasi
Johor Selatan	12	12	4	4	2	2	18	17	1	1
Johor Timur	3	3								
Johor Utara	26	15	1	1	1	1	13	13	3	3
Johor Tengah	34	22	1	1	-	-	24	24	-	-
Jumlah	75	52	6	6	3	3	55	54	4	4



Jadual 7: Pengeluaran Industri Berasas Kayu Terpilih, Negeri Johor, 2013 (m3)

Daerah Hutan	Kilang Papan	Kilang Papan Lapis / Venir	Kilang Kayu Kumai	Kilang Perabot
	Kayu Gergaji		Kayu Kumai	
Johor Selatan	12	4	3	18
Johor Timur	3			
Johor Utara	26	3	5	13
Johor Tengah	34	3	6	24
Jumlah	75	10	14	55



Jadual 8: Gunatena Dalam Industri Pengusahaan Mengikut Kewarganegaraan, 2013

Daerah Hutan	SUKU I			SUKU II			SUKU III			SUKU IV		
	BP	BBP & BW	Jumlah	BP	BBP & BW	Jumlah	BP	BBP & BW	Jumlah	BP	BBP & BW	Jumlah
Johor Selatan	16	16	32	19	1	20	58	59	117	12	10	22
Johor Timur	27	30	57	21	43	64	32	32	64	28	29	57
Johor Utara							40	40	80			
Johor Tengah	40	40	80	12	53	65	8	8	16			
Jumlah	83	86	169		97	149	138	139	277	40	39	79

BP = Bumiputera
BBP = Bukan Bumiputera
BW = Bukan Warganegara



Jadual 9: Perbelanjaan Mengurus Dan Pembangunan Hutan, Negeri Johor, 2013 (RM)

Emolumen	Perbelanjaan Mengurus					Jumlah Besar
	Perkhidmatan dan Bekalan	Aset	Bayaran Pindaan	Lain-Lain	Jumlah	
11,697,346.21	1,453,186.19	-	-	23,485.84	13,174,018.24	P57 - 5,605,450.70 KWPH - 646,427.41 19,425,896.35



Jadual 10: Gunatenaga Dalam Jabatan Perhutanan, Negeri Johor, 2013

Jawatan	Pej. Hutan Negeri	Johor Selatan	Johor Timur	Johor Utara	Johor Tengah	Jumlah
Kumpulan Pengurusan Dan Profesional						
Pemelihara Hutan (G54)	1					1
Pemelihara Hutan (G52)	1					1
Pemelihara Hutan (48 KUP)	0					0
Pemelihara Hutan (G44)	2					2
Pemelihara Hutan (G41)	3	1	1	1	1	7
Jumlah Kecil	7	1	1	1	1	11
Kumpulan Sokongan						
Setiausaha Pejabat	1					1
Penolong Pemelihara Hutan (G27)	4	2	2	1	1	10
Penolong Akauntan (W27)	1					1
Penolong Pegawai Tadbir (N27)	1					1
Renjer Hutan (G26)	1					1
Renjer Hutan (G22)	2	1			1	2
Renjer Hutan (G17)	0	3	4	4	4	15
Pengawas Hutan (G14)	4	12	11	12	10	49
Pengawas Hutan (G11)	16	41	28	31	26	142
Juruteknik (J17)	1					1

LAPORAN TAHUNAN 2013

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Jawatan	Pej. Hutan Negeri	Johor Selatan	Johor Timur	Johor Utara	Johor Tengah	Jumlah
Pelukis Pelan (J17)	1	1			1	3
Pembantu Tadbir (Kewangan) (W22)	2					2
Pembantu Tadbir (Kewangan) (W17)	5	1	1	1	1	9
Pembantu Tadbir (Ketua/Operasi) (N22)	2	1	1	1	1	6
Pembantu Tadbir (Ketua/Operasi) (N17)	6	1	1	1	1	10
Pembantu Tadbir Rendah (N14)						
Pembantu Tadbir Rendah (N11)						
Pembantu Tadbir Rendah (N4)	1					1
Pembantu Tadbir Rendah (N1)	4	1	1	1	1	8
Pekerja Rendah Awam Khas (R3)	7	20	22	19	21	89
Pemandu Kenderaan Bermotor (R3)	5	3	3	2	5	18
Jumlah Kecil	64	86	74	73	72	369
Jumlah Besar	71	87	75	74	73	380

**JAWATANKUASA EDITORIAL LAPORAN TAHUNAN
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR 2013**

Penasihat

Tuan Haji Yahaya bin Mohamood

Pengerusi

Mohd Rahim bin Rani

Fasilitator

Abd. Ramliza Yahudin bin Mahli

Ahli Jawatankuasa Kecil Penyunting

Ali Gema Hidayatullah bin Zainal

Maizan bin Mohd Aris

Khaharudin bin Mohd Nor

Siti Nuraraini binti S. Hamid

Norfazilawati binti Jauhari

Wakil-wakil Unit dan Pejabat Hutan Daerah

